

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
TUAN GURU HAJI LOKMAN BIN HAJI AHMAD
MAKRIFAT TOK KENALI

AHMAD FAZRI BIN KAMARUL ZAMAN	2015115645
WAN SAHZWAN NADZMI BIN SUKARDI	2015145021

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UiTM CAWANGAN KELANTAN

MAC 2017 – JULAI 2017

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Ahmad Fazri dan juga Wan Sahzwan dengan Tuan Guru Haji Lokman Bin Haji Ahmad iaitu cucu kepada Tok Kenali. Temubual ini adalah bertujuan untuk membuat kajian tentang cerita rakyat negeri Kelantan yang mempunyai ciri-ciri ketokohan dan seorang yang terkenal. Jadi kami telah memilih tajuk Tok Kenali kerana beliau seorang tokoh ulama' yang terkenal di seluruh nusantara terutamanya di Malaysia. Selain itu, kami memilih tajuk ini kerana ingin memelihara akan sejarah negeri Kelantan kerana kebanyakan masyarakat masa kini tidak mengenali ulama' seperti Tok Kenali. Dengan membuat kajian ini, kami dapat mendedahkan kepada masyarakat tentang sejarah Tok Kenali serta sumbangannya kepada masyarakat suatu masa dahulu. Tok Kenali juga seorang ulama' yang bertaraf wali Allah s.w.t kerana ilmunya di dalam pelbagai bidang termasuk nahu, sorof, tauhid, feqah, tasawwuf dan banyak lagi. Beliau juga merupakan pencetus kepada sistem pengajian Pondok di tanah melayu pada masa dahulu.*

Kata kunci: *Tok Kenali, Makrifat Tok Kenali, Pengajian Pondok, Pondok Tok Kenali*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t, Tuhan yang menciptakan langit dan bumi kerana limpah kurniaNya dapat kami menyiapkan kajian tentang Makrifat Tok Kenali ini dengan jayanya. Kajian ini mengambil masa selama empat belas minggu dan kami telah berjaya menyiapkannya. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada ibu dan bapa kami kerana sokongan yang mereka berikan selama ini samada sokongan moral dan juga kewangan. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah Binti Chik dan juga Puan Noor Rahmawati Binti Alias kerana mereka telah banyak membantu dan membimbing kami dalam menyiapkan kajian ini sehingga kami berjaya menyiapkannya. Tidak lupa juga kepada Tuan Guru Haji Lokman kerana beliau sudi meluangkan masa untuk mengadakan sesi temubual bersama kami untuk memberikan maklumat tentang Tok Kenali. Kami berharap dengan kajian ini dapat memberikan kesan yang besar kepada masyarakat supaya mereka lebih mengenali Tok Kenali.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
UM	- UNIVERSITI MALAYA
MAIK	- MAJLIS UGAMA ISLAM KELANTAN

••

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak.....	i
Penghargaan.....	ii
Senarai Singkatan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual.....	v
Biodata Pencerita.....	vi
Pengenalan.....	1-6
Kajian Literatur.....	7-8
Transkrip.....	9
Bahagian 1: Latar Belakang Pencerita.....	9-20
Bahagian 2: Latar Belakang Tokoh.....	21-38
Bahagian 3: Perjuangan Tok Kenali.....	39-43
Bahagian 4: Pencapaian Tok Kenali.....	44-48
Bahagian 5: Pendapat Pencerita.....	49-50
Bahagian 6: Harapan Pencerita.....	51-52
Rujukan.....	53
Indeks.....	54
Lampiran	55
Log Temubual.....	56
Biografi Tokoh.....	61
Diari Kajian.....	62-68
Senarai soalan.....	69-74
Surat Perjanjian.....	75
Gambar, Sijil & Lain-lain.....	76-77

BIODATA PENEMUBUAL



**AHMAD FAZRI BIN KAMARUL
ZAMAN**

KUANTAN, PAHANG



**WAN SAHZWAN NADZMI BIN
SUKARDI**

MACHANG, KELANTAN

IM 245

IM245

BIODATA PENCERITA



NAMA : TUAN GURU HAJI LOKMAN BIN HAJI AHMAD

UMUR : 79 TAHUN

T.LAHIR : KAMPUNG KENALI KUBANG KERIAN, KOTA BHARU

PENGAJIAN : SEKOLAH MELAYU (SEMASA KECIL)

SEKOLAH ARAB MAAHAD MUHAMMADI

PONDOK TOK KENALI

PEKERJAAN : BILAL DI MASJID NEGARA

JAWATAN : YANG DIPERTUA DEWAN TOK KENALI

PENASIHAT MASJID TOK KENALI

ALAMAT : KAMPUNG KENALI, KUBANG KERIAN, KOTA BHARU, KELANTAN

PENGENALAN

Sejarah lisan terdiri daripada banyak bentuk seperti cerita dongeng, cerita rakyat, cerita-cerita yang memberikan pengajaran kepada masyarakat. Untuk projek subjek Oral Documentation kami telah diminta untuk membuat kajian tentang cerita rakyat negeri Kelantan. Terdapat pelbagai cerita rakyat negeri Kelantan yang menjadi bualan masyarakat. Kami telah memilih seorang tokoh ulama' yang terkenal di negeri Kelantan iaitu Tok Kenali.

Tok Kenali ialah seorang ulama' nusantara yang dikenali ramai pada suatu masa dahulu. Sifat Tok Kenali yang tawadhu' atau rendah diri telah menarik minat kami untuk melakukan kajian tentang latar belakang dan sejarah hidup beliau. Nama sebenar Tok Kenali adalah Haji Muhammad Yusuf Bin Ahmad Al-Kalantani Al-Makki, pada asalnya penduduk kampung menggelarnya Awang Kenali. Gelaran Tok diberikan kepada beliau oleh rakyat Kelantan kerana beliau mempunyai ilmu yang tinggi dan Kenali merupakan nama tempat asal beliau iaitu Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan yang masih ada sehingga kini dan telah melambangkan ketokohan dan kemasyuran yang meluas. Beliau lahir pada tahun 1868 dan wafat pada 19 November 1933. Nama ibunya adalah Hajjah Fatimah dan bapanya Ahmad. Semasa Tok Kenali masih kecil, beliau sudah berminat untuk mempelajari ilmu agama dan beliau juga telah mendapat didikan agama oleh datuknya sendiri, iaitu Tok Leh yang merupakan Imam di Kampung Kenali sebelum perang Jepun. Datuknya telah memberi didikan dalam bidang agama terutamanya Al-Quran dan penulisan jawi. Tok Kenali dikatakan seorang yang pintar, dan pantas dalam pembelajarannya. Setelah bapanya meninggal dunia, Tok Kenali dijaga sepenuhnya oleh datuk dan neneknya Tok Mek Ngah dan turut diawasi oleh ibunya. Tok Mek Ngah sangat menyayangi Tok Kenali dan menurut cerita guru-guru pondok, Tok Mek Ngah tidak akan memberikan makanan kepada Tok Kenali melainkan makanan itu adalah masakan Tok Mek Ngah sendiri. Menurut Tok Guru Pondok juga, Tok Mek Ngah tidak memberi makan kepada Tok Kenali melainkan masakannya kerana menurut fitrah, ianya lebih bersih dan dapat mengelakkan makanan yang haram dan syubhah dimakan oleh Tok Kenali dan itu akan menyebabkan kerasnya hati seseorang. Tok Kenali juga telah dilantik sebagai kerani hasil tanah oleh Penggawa pada ketika umurnya 7 tahun. Tugas beliau adalah memungut hasil-hasil tanah, hasil tanaman dan perkebunan. Setiap pemilik tanah mesti membayar hasil tanaman atau pengeluaran dari

kebun mengikut kadar hasil. Selain itu, Tok Kenali juga bertanggungjawab untuk membilang dan mendaftar pokok buah-buahan dan tanaman rakyat di kawasan masing-masing. Sambil itu, Tok Kenali tidak membuang masanya dengan hanya bekerja, tetapi beliau mencari guru selain datuknya untuk menimba ilmu bahasa Arab. Tok Kenali menimba ilmu di rumah ulama' terbilang pada ketika itu, iaitu Datuk Perdana Paduka Raja. Tok Kenali menuntut ilmu Nahu dan Sharaf. Kedua-dua ilmu tersebut sangat susah tetapi mudah bagi Tok Kenali kerana Allah swt memberikan kepintaran kepadanya. Tok Kenali juga mempelajari ilmu dengan beberapa orang ulama' lain seperti Tuan Guru Haji Ibrahim di Sungai Budor, Kota Bharu, Haji Ab. Samad Bin Mohd Shaalih dan juga Wan Haji Ismail Wan Senik di Langgar, Kota Bharu. Tok Kenali telah mendirikan rumahtangga ketika usianya 16 tahun dan beliau telah berkahwin dengan anak perempuan Haji Shaalih Janggut bernama Mek Nik. Namun, rumahtangga tidak berkekalan kerana kehendak Tuhan, beliau berpisah dengan isterinya Mek Nik. Pada masa yang sama, Tok Kenali telah kehilangan Datuknya dan tinggallah beliau seorang diri. Tidak lama selepas itu, Tok Kenali telah menyambung pelajaran ke Tanah Suci Mekah. Pada tahun 1887, Tok Kenali telah berangkat ke Tanah Suci Mekah dan pada ketika itu beliau berumur 17 tahun dan beliau hanya ada satu tujuan untuk ke Mekah iaitu untuk menuntut ilmu agama. Apa yang mengejutkan ialah, Tok Kenali berangkat ke Mekah dengan berbekalkan sehelai baju sahaja dan sedikit wang yang diberikan oleh ibunya bernilai RM 22. Apa yang boleh kita simpulkan, Tok Kenali adalah seorang yang sangat bertawakkal kepada Allah swt kerana beliau yakin dan bergantung hanya kepada Allah swt sahaja yang dapat membantu dan melindunginya. Pelbagai peristiwa yang berlaku ke atas Tok Kenali yang sangat menyentuh hati kami. Setibanya Tok Kenali di Tanah Suci Mekah, kehidupan sehari-harinya penuh dengan tawakkal. Beliau mempunyai sehelai pakaian sahaja, berbekalkan sedikit wang, tidak siapa mengetahui beliau makan ataupun tidak pada setiap hari samada siang atau malam. Dan Tok Kenali juga tidak mengenali sesiapa di Mekah ketika itu. Beliau cuma menumpang tidur di Masjidil Haram, Mekah. Orang yang tidak mengenalinya hanya memperhatikan keanehannya berada dari satu halaqah ke satu halaqah yang lain dalam Masjid Haram. Ketika belajar di halaqah di dalam Masjid Haram, Tok Kenali tidak membawa kitab seperti yang lain. Mungkin kerana beliau masih belum mampu untuk membeli kitab ketika itu, tetapi itu tidak menghalang Tok Kenali daripada belajar dengan ulama'-ulama' masyhur di setiap halaqah di dalam Masjid Haram. Apa yang unik

tentang Tok Kenali ialah, ketika guru sedang mengajar di hadapan, Tok Kenali memejamkan matanya dan ramai orang beranggapan beliau tidak mendengar apa yang diajar tetapi tidur. Ketika itu, seorang ulama' yang sangat tersohor iaitu Sheikh Ahmad Fathani yang turut mengajar di dalam Masjid Haram ketika itu, telah diketahui olehnya bahawa Tok Kenali ini bukan orang sembarangan, malah martabatnya ialah seorang 'Wali Allah'. Kerana Sheikh Ahmad Al-Fathani dikatakan oleh orang ramai beliau mempunyai kasyaf dan pandangannya adalah 'tembus'. Tetapi tidak ada seorang ulama' yang berperingkat Wali Allah di Mekah mahu membuka rahsia itu kepada murid mereka masing-masing. Ketika Tok Kenali tiba di Mekah, Sheikh Ahmad Al-Fathani sudah mengetahui pemuda (Tok Kenali) yang berasal dari Kelantan itu, tetapi sengaja tidak dipedulikannya kerana pada firasat Sheikh Ahmad Al-Fathani, lambat laun Tok Kenali ada datang juga ke halaqah beliau. Beberapa bulan selepas itu akhirnya Tok Kenali hadir juga ke halaqah Sheikh Ahmad Al-Fathani. Dan pada masa itu Tok Kenali duduk jauh di belakang pelajar-pelajar lain. Untuk menguji Tok Kenali yang pertama kalinya datang ke halaqah beliau, Sheikh Ahmad Al-Fathani telah mempersiapkan sekurang-kurangnya tiga masalah atau kemusykilan yang pada pemikiran Sheikh Ahmad Al-Fathani tidak ada pelajar lain yang mampu menjawab soalan tersebut kecuali jika seseorang itu memiliki pandangan 'kasyaf' ataupun telah memperoleh 'ilmu ladunni'. Apabila Sheikh Ahmad melemparkan soalan tersebut kepada semua pelajarnya yang ada di halaqah itu, Tok Kenali seolah-olah sedang tidur kerana beliau memejamkan mata. Tiba-tiba Sheikh Ahmad menyergah Tok Kenali yang sedang tidur lalu Tok Kenali terkejut. Selepas itu Sheikh Ahmad menyuruh Tok Kenali untuk ke hadapan duduk bersama beliau dan Tok Kenali telah disuruh untuk menjawab persoalan dan masalah yang telah dikemukakan tadi laluh apa yang mengejutkan, Tok Kenali boleh menjawab soalan itu sejelas-jelasnya.

Kemasyuran beliau telah menjangkau jauh di luar perbatasan Malaysia kerana beliau dapat dibariskan sejajar dengan tokoh-tokoh Nusantara lain yang berjasa di zamannya dan memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat. Ramai ulama'-ulama' kini berpendapat bahawasanya sudah tidak ada lagi Tok Guru, Imam, Ustaz yang sama taraf dengan ilmu Tok Kenali. Sejarah hidup beliau telah diketahui oleh seluruh masyarakat terutamanya di Kelantan sehingga sekarang kerana beliau juga telah menjadi ikon kepada guru-guru pondok, ustaz-ustaz dan masyarakat yang mendalami ilmu pengajian islam. Selain itu juga, Tok

Kenali sangat dikenali di Mekah, dan wilayah-wilayah selatan Thailand seperti Patani. Tok Kenali adalah antara ulama' yang telah membangunkan sistem pengajian pondok di Malaysia selain ulama' lain yang turut masyhur di Malaysia seperti Tok Ku Paloh, Haji Abdul Rahman Limbong, Tok Selehong, Tok Wan Ali Kutan dan ramai lagi. Tok Kenali telah dikagumi oleh seluruh masyarakat di Malaysia kerana sifat-sifat mahmudah yang ada pada dirinya yang dapat dijadikan contoh kepada anak muda pada masa kini. Tok Kenali juga disayangi masyarakat yang tidak ada tolok bandingnya. Beliau terkenal bukan sahaja kerana ilmu agamanya yang tinggi dan pemikiran yang tajam, malah kerana sifat-sifat kejujuran, rendah diri, peramah, pemurah dan cara hidupnya yang zuhud.

Tok kenali telah terkenal di Mekah kerana sifat peribadinya yang mulia dan rendah diri, Tetapi untuk menyara kehidupannya beliau sentiasa bekerja sambilan termasuk bekerja sebagai tukang masak di rumah orang kaya. Dengan sejumlah wang yang beliau kumpul dia terus belajar dengan membeli kitab-kitab. Dia juga berhijrah ke Mesir untuk memperkemaskan ilmu agamanya. Dengan sikapnya yang minat membaca beliau disayangi oleh gurunya sehinggakan jika dia ingin kan ilmu yang lebih terperinci beliau meminjam buku-buku dari gurunya. Gurunya bukan sahaja Sheikh Ahmad Al-Fathani malah ramai lagi antaranya adalah Al Alamah Syeikh Habibullah dari Mesir, Al Alamah Syeikh Abid, Mufti Al Malikiah dan ramai lagi.

Tok Kenali secara tidak langsung digelar sebagai ulama terkenal di kalangan cerdik pandai Mesir Kerana Segala Soalan yang susah di jawab oleh orang lain begitu mudah di jawab oleh Tok Kenali. Selepas beberapa tahun berada di di Mekah dan Mesir beliau berhajat ingin pulang ke Kelantan bagi memulakan pengajaran agama yang efektif pada orang kampungnya. Setibanya dia di Mekah guru yang disayangi pula meninggal iaitu Sheikh Ahmad Al-Fathani pada 1325 hijrah (1906)

Dua tahun selepas itu, Tok Kenali pulang ke Kelantan, beliau disambut dengan meriah oleh orang kampungnya dengan dengan disapa oleh kawan-kawan dan ahli keluarga yang terdekat. Seberadanya Tok Kenali di Kelantan beliau tinggal bersama ibunya. Dengan dorongan ibunya beliau memulakan kelas agama terbuka kepada orang kampungnya yang dibuat hanya di rumahnya. Hari berganti hari jumlah murid pula bertambah beliau

mendirikan pondok pondok kecil di sekeliling rumahnya. Disamping itu beliau juga mengajar di Masjid Al Muhammadi di Kota Bharu. Baginya ilmu tarbiah dan dakwah perlu dibahagikan. Jadi beliau mebahagikan masa 3 hari di Masjid tersebut dan 4 hari di kampungnya. Seberapa lama kemudian ibu Kesayangannya pula meninggal dunia, Tok Kenali sentiasa mendoakan kesejahteraan ibunya dan sentiasa memperjuangkan ilmu untuk masyarakat.

Selepas kematian ibunya, atas permintaan Datuk Perdana Menteri, Tok Kenali berpindah ke Kota Bharu untuk mencurahkan sepenuh tenaganya sebagai tenaga pengajar utama di Masjid Al Muhammadi bersama dengan Haji Nik Abdullah, Haji Idris dan beberapa orang tuan guru lain. Sejak itu, di sekeliling masjid itu semakin padat dengan pondok-pondok kecil yang didiami oleh pelajar-pelajar yang datang dari merata tempat dan negeri. Tok Kenali memainkan peranan penting menjadikan masjid itu sebuah pusat pengajian pondok tertinggi dan termasyhur di Tanah Melayu ketika itu.

Nama Tok Kenali semakin masyhur sebagai tuan guru yang mahir dalam ilmu nahu dan saraf serta tasawuf. Beliau juga menguasai ilmu tafsir, Hadis, tauhid, feqah dan sebagainya. Tok Kenali lazimnya mengajar tanpa membawa kitab, cukup sekadar mendengar salah seorang anak muridnya membaca, kemudian beliau akan syarahkan dan betulkan jika ada bacaan yang silap. Ternyata beliau sangat arif tentang matan dan syarah kitab-kitab yang diajarnya.

Antara kitab-kitab yang dijadikan teks pengajiannya ialah Ihya Ulumiddin karya Hujjatul Islam Imam Al Ghazali, Sirrus Salikin karangan Syeikh Abdul Samad Al Palembang-bangi dan kitab Hikam karangan Ibnu Ato'illah. Setelah 23 tahun hidup sebatang kara, barulah Tok Kenali mencari pasangan hidup ketika umurnya melebihi 40 tahun. Orang pilihannya bernama Siti Ruqayah, seorang janda muda berusia 18 tahun. Berkat perkahwinan yang bahagia itu, mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata. Anak-anak lelaki beliau semuanya muncul sebagai tuan guru.

Mereka adalah: Tuan Guru Haji Ahmad, anak sulung yang sempat mendapat bimbingan ilmu dari ayahnya. Beliau terkenal dengan gelaran Tok Bakok kerana rumah tempat tinggalnya di Kenali bersebelahan dengan pondok penuntut-penuntut dari Siam yang terkenal dengan kota

Bangkok. Tok Bakok menjadi tuan guru utama di pondok peninggalan ayahnya. Tuan Guru Haji Salleh, anak Tok Kenali yang paling lama belajar di Makkah dan terus bermukim di sana serta mengajar di Masjidil Haram. Beliau seorang pengarang dan telah mengarang lebih 60 buah kitab dan risalah mengenai berbagai persoalan agama. Tuan Haji Mahmud, anak ketiga Tok Kenali, seorang yang tidak kurang juga ilmunya, menjadi khatib tetap di masjid peninggalan ayahnya di Kubang Kerian.

Beliau mengasaskan semula pondok pengajian di tapak baru ini dengan susunan yang lebih kemas baik dari segi pembangunan lahir, lebih-lebih lagi isi tarbiah dan ta'limnya. Tok Kenali mahu pondok pengajiannya di Kenali itu benar-benar berkesan dari segi ilmu, tarbiah dan perjuangan kepada anak-anak muridnya. Beliau mahu sistem pengajian pondok yang merupakan trend pengajian paling popular pada waktu itu terus berkembang. Ini yang diperjuangkan oleh Tok Kenali. Tuan Haji Abdullah Zawawi, anak bongsu Tok Kenali yang mendapat didikan di Makkah sehingga ke peringkat menengah tinggi dan seterusnya memasuki Kuliah Syariah di salah sebuah universiti di Makkah selama empat tahun dan lulus pada tahun 1961, kemudian berkhidmat dengan kerajaan Arab Saudi sebagai pegawai pendidikan dan pernah menjadi pengetua beberapa buah sekolah menengah Arab di Saudi. Lima tahun selepas mengajar dan memimpin kelas pengajian di Masjid Muhammadi, Tok Kenali mengambil keputusan pulang ke kampung untuk menghidupkan semula pondok yang telah ditinggalkannya dahulu. Kali ini beliau memilih tapak baru di Kampung Belukar, yang juga dalam daerah Kenali, tidak jauh dari Kampung Paya.

KAJIAN LITERATUR

Sejarah lisan (Oral History) menurut asosiasi sejarah lisan adalah sebuah cara pengumpulan dan penyimpanan informasi sejarah termasuk di dalamnya catatan wawancara dari orang atau saksi peristiwa tentang masa lalu dan pandangan hidupnya. Cakupannya meliputi kumpulan atau koleksi sistematik dari kesaksian-kesaksian tentang testimoni kehidupan seseorang mengenai pengalaman-pengalaman pribadinya mengenai kisah-kisah sejarah yang terdahulu.

Tok Kenali ialah satu nama yang paling terkenal dalam dunia pengajian Islam menggunakan sistem pondok di Malaysia. Bahkan beliau juga terkenal di seluruh alam Melayu. Oleh itu, memang riwayat beliau perlu diketahui oleh masyarakat. Tok Kenali ialah murid yang paling dipercayai oleh Syeikh Ahmad al-Fathani, oleh itu hampir-hampir tidak ada satu rahsia perjuangan Syeikh Ahmad al-Fathani yang tidak diketahui oleh Tok Kenali. Di sini saya sentuh sedikit saja. Syeikh Ahmad al-Fathani ialah tokoh pertama dari lingkungan dunia Melayu sejagat yang secara diplomatik pergi ke Istanbul, Turki untuk melaporkan perbuatan tiga bangsa yang menjajah di dunia Melayu ketika itu. Bangsa-bangsa itu ialah Inggeris, Belanda dan Siam.

Walau bagaimanapun, supaya suasana tidak selalu keras dan tegang dalam corak pemikiran jihad zhahiri, kisah Tok Kenali saya fokuskan kepada pemikiran jihad shufi. Jihad zhahiri lebih menitikberatkan perjuangan secara fizikal, sedang jihad shufi lebih mengutamakan pembinaan dalaman, qalbi atau hati dan rohani. Kedua-dua jenis jihad itu adalah penting dikombinasikan secara sepadu. Selain itu dalam disiplin ilmu akidah dan tasawuf ia dikenali dengan istilah 'Wali Allah' dan 'karamah' (istilah Melayu: keramat). Nama sebenar Tok Kenali ialah Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad al-Kalantani, lahir pada 1287 H/1871 M, wafat Ahad, 2 Syaaban 1352 H/19 November 1933 M. Yang saya riwayatkan ini adalah berdasarkan pelbagai cerita yang saya dengar, oleh itu tidak terikat sangat dalam sistem penulisan ilmiah. Syeikh Ahmad al-Fathani lah yang pertama menggunakan istilah 'Awang' itu. Riwayatnya, sewaktu Syeikh Ahmad al-Fathani menjadi utusan ulama Mekah ke Beirut dan Mesir untuk menyelesaikan pertikaian pendapat antara Saiyid Yusuf an-Nabhani

(Beirut) dengan Syeikh Muhammad Abduh (Mesir) dalam rombongan itu, Awang Kenali ikut serta.

Ketika sampai di Bukit Tursina, kerana di tempat itulah Nabi Musa mendengar 'Kalam Allah', Syeikh Ahmad al-Fathani menyuruh murid-muridnya munajat secara khusus. Awang Kenali ditugaskan supaya minta menjadi ulama. Nik Mahmud ditugaskan munajat minta menjadi seorang pembesar Kelantan. Setelah Tok Kenali munajat, Syeikh Ahmad al-Fathani menyatakan bahawa ilmu Awang Kenali tinggi hanya mencapai 'awan' tidak menjangkau kepada langit. Ilmu yang sampai ke peringkat 'awan' itulah yang dapat dijangkau oleh kebanyakan ulama di tanah Jawi.

Daripada perkataan 'awan' itulah kemudian bertukar menjadi 'Awang'. Cerita yang sama juga saya dengar daripada Haji Wan Ismail bin Hawan, Qadhi Jala (cerita didengar pada tahun 1970). Dalam surat-surat Syeikh Ahmad al-Fathani kepada pihak lain, termasuk kepada orang Arab dan Turki, apabila melibatkan muridnya itu, beliau mengekalkan tulisan dengan istilah 'Awan Kenali' saja tanpa menyebut nama lainnya.

Antara sumbangan Tok Kenali ialah kelahiran pendidikan. Suasana dalam negeri ini, terutama dalam beberapa dekad pertama abad ke 20 M., tidak banyak membantu untuk kedamaian hidup rakyat biasa, baik dari segi agama, politik, sosial mahupun ekonomi. Dia memberi penekanan terhadap pengajian ilmu Bahasa Arab ketika itu, bukan itu sahaja beliau juga menggalakkan orang muda belajar Bahasa Inggeris kerana merasakan bahawa bahasa itu penting. Beliau juga memberi penekanan terhadap ilmu tasawuf dan feqah bagi menyedarkan rakyat Kelantan bahawasanya kitab-kitab tersebut penting dan boleh digunakan sehingga kini.

TRANSKRIP TEMUBUAL

Petunjuk:

AF: AHMAD FAZRI
AM: AYAH MAN
WS: WAN SAHZWAN

PEMBUKAAN

AF : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warrakhmatullahhitaala wabarakatuh. Rakaman ini dibuat pada dua puluh tiga hari bulan empat [23/4] pada hari Ahad di Kampung Wakaf Tuan Farrel Pasir Puteh, Kelantan. Jadi kita nak buat temuramah tentang Tok Kenali.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA.

AF : Jadi mula-mula soalan pertama kita nak tanya nama penuh Ayah Man?

AM : Nama penuh Ayah Man, orang panggil *loni* [sekarang] la Yang Mulia, Yang Berusaha Tuan Guru Haji Lokman Bin Haji Ahmad cucu Tok Kenali.

AF : Cucu Tok Kenali. Nama samaran Ayah Man? Ada *dok* [tidak] nama lain?

AM : Nama samaran dipanggil Ayah Man, Tuan Guru.

AF : Tuan Guru. Umur Ayah Man sekarang berapa?

AM : Umur Ayah Man sekarang umur *tujuh puluh sembilan* [79 tahun].

- AF : *Tujuh puluh sembilan* [79 tahun]? Mudo lagi *dih* [kan] (sambil ketawa)
- AM : (Sambil ketawa) dekat nak *kelik* [menunjukkan usia Ayah Man yang sudah lanjut] sana (sambil ketawa).
- AF : **Ayah Man anak nombor berapa?**
- AM : Ayah Man anak nombor *tiga* [3] daripada anak sulung Tok Kenali, Haji Ahmad Bin Haji Muhammad Yusuf Kenali.
- AF : **Anak ke *tiga* [3]?**
- AM : Anak ke *tiga* [anak yang nombor 3]
- AF : **Jadi boleh *dok* [tidak] Ayah Man cerita sikit salasilah tentang Ayah Man, maksudnya daripada Tok Kenali, Haji Ahmad, turun *ko* [kepada] Ayah Man pastu [selepas itu] adik-beradik *hok* [yang] lain?**
- AM : *Ho* [mengiyakan tanda setuju]. Ayah Man ni lahir di Pondok Tok Kenali.
- AF : **Lahir Pondok Tok--**
- AM : Di Pondok Tok Kenali Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Kemudian banyak kerja-kerja nya pernah kerja *jugok* [juga] di apa Masjid Negara [Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Kuala Lumpur] sebagai Bilal, dan pencen dah pencen la. Pencen di Masjid (sedang berfikir) Rahman, Masjid Universiti Malaya.

- AF : **Universiti Malaya?**
- AM : Ada pencen di sana.
- AF : **Ayah Man ingat lagi tahun *brapo* [berapa] masa jadi Bilal di Masjid Negara?**
- AM : (Sedang cuba mengingati) tidak ingat
- AF : **Tidak ingat?**
- AM : Cuma pencen nya tahun *satu* haribulan *satu* tahun [1.1] (sedang berfikir) tahun (sedang berfikir) tidak ingat.
- AF : ***Takpo* [tidak mengapa] (sambil ketawa). Ini nama ibu dengan ayah Ayah Man *gapo* [apa]?**
- AM : Nama ibu Ayah Man Hajjah Mariam Binti Haji Awang, orang kampung Saring, Pasir Puteh ini.
- AF : **Pasir Puteh ni jah [sahaja].**
- AM : *Mok* [ibu] orang sini. Tok Guru Haji Ahmad nya Pondok Tok Kenali
- AF : **Ayah Man ada ni berapa *oghe* [orang] anak?**
- AM : Anak ada (sedang berfikir) *empat* [4] *oghe* [orang].

- AF : *Empat [4] oghe [orang].*
- AM : Dengan ibu yang pertama, (sedang berfikir) Mohd Hakim atau orang panggil Bob sekarang ini.
- AF : **Bob, Bob Lokman?**
- AM : Bob Lokman. Nombor *satu* [1]. Nombor dia nombor *dua* [2] perempuan Sharifah Hikmah.
- AF : **Sharifah Hikmah**
- AM : Yang kemudian anak *mok* [ibu] yang sekarang ni nama (sedang berfikir) apa tu Allah nama tak ingat nama (sambil ketawa).
- AF : *Hok [yang] aritu [hari itu] ko [ke] hok [yang] baru konvo tu?*
- AM : *Ho [mengiyakan tanda setuju] baru konvo betul la nama apa?*
- AF : Allah tidak ingat *jugok* [juga] eh Hafiz *ko* [ke] *gapo* [apa] nama dia, *buke* [bukan]?
- AM : *Hoktu* [menunjukkan anaknya yang itu] Hafiz.
- AF : **Hafiz?**
- AM : Hafiz itu anak ke *dua* [2]

- AF : Anak ke *dua* [2] Hafiz tu?
- AM : *Ho* [mengiyakan tanda setuju] *mok* [ibu] dulu itu.
- AF : *Mok* [ibu] dulu?
- AM : Nama apa itu Nazir Hakim.
- WS : Nazir Hakim.
- AM : Yang, yang pertama tadi kakak dia nama (sedang berfikir) *Allahummasolli ala saidina Muhammad* [berselawat kerana lupa akan nama anaknya].
- AF : Kakak dia--
- AM : Tidak ingat nama
- AF : Tidak ingat *ho* [ya] *takpo* [tidak mengapa] Ayah Man. Kita terus *deh* [ya].
Anak-anak Ayah Man *semo* [semua] tu berkahwin dah *blako* [semua]?
- AM : Anak Ayah Man *ho* [ya] berkahwin *semo* [semua] dah. Yang pertama Mohd Hakim, Bob itu kahwin dengan orang Johor
- AF : Orang Johor?
- AM : Anak lebih kurang *enam* [6] orang
- AF : Enam [6] orang? Ramai anak dia
- AM : Kemudian yang ke *dua* [2] itu Nor Aini Hikmah.

AF : **Nor Aini Hikmah?**

AM : Nor Aini Hikmah anak dia *empat* [4 orang].

AF : ***Empat* [4]?**

AM : Yang baru-baru *lepas* ini [sudah berlalu] konvo nya kahwin dah baru ini, orang Sarawak. Nama dia Nazir Hakim

AF : **Nazir Hakim? *Hok* [yang] baru ni la?**

AM : *Hok* [yang] baru ini.

AF : **Cucu Ayah Man berapa *oghe* [orang]?**

AM : Cucu Ayah Man yang anak dengan Bob *enam* [6] yang anak dengan Sharifah *tiga* [3] anak dengan Aini *empat* [4] ni Nazir Hakim *takdok* [tiada] anak lagi.

AF : ***Tiga belas* [13] *blako* [semua]**

AM : *Ho* [mengiyakan tanda setuju].

AF : **Oh *tiga belas* [13]. Sekarang ni Ayah Man tinggal dengan *sapo* [siapa]?**

AM : Ayah Man sekarang ni *duduk* [tinggal] di Pondok Kenali dengan (sedang berfikir) Norma ibu kepada Nor Aini dan kepada Nazir Hakim.

AF : Kita terus soalan seterusnya ini nak tanya pasal latar belakang pendidikan Ayah Man masa dulu?

AM : Ayah Man pendidikan *tidok* [tidak] tinggi. Semasa kecil belajar sekolah Melayu habis sekolah Melayu belajar sekolah Arab darjah *empat* [4]

AF : Sekolah Arab?

AM : Di *Maahad Muhammadi* [Maahad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu, Kelantan]. Sampai darjah *empat* [4] kemudian belajar *pondok* [Pondok Tok Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan] dengan Ayah. Haji Ahmad. Belajar belajar di pondok dengan Ayah kemudian dia mengajar kampung-kampung kalau dia *tak* [tidak] boleh pergi Ayah Man akan ganti.

AF : Ayah Man ganti?

AM : *Ngaja* [mengajar]

AF : Jadi keseluruhan Ayah Man mendapatkan pengajian ilmu agama ini dengan Ayah--

AM : Dengan Ayah

AF : Ayah Man *sediri* [sendiri]? *Lepah* [selepas] Ayah Man habis belajar ilmu agama itu adakah Ayah Man ada buat pekerjaan lain?

AM : (Sedang berfikir) masa itu (ketawa) nanti sekejap. Abang ipar *duduk* [sedang]

berniaga baja. Jadi Ayah Man bawak kereta sambil pergi hantar baja-baja lah.
Meniaga baja.

AF : Sekarang Ayah Man ada buat *kijo* [kerja] *gapo* [apa]?

AM : Sekarang ini selepas daripada pencen balik *duduk* [tinggal] di masjid dah lebih kurang *dua puluh* [20] tahun dah. Di *masjid rumah* [Masjid di Pondok Tok Kenali]. Lebih *dua puluh* [20] tahun sekarang ni jadi penasihat

AF : Penasihat di Masjid?

AM : *Masjid rumah* [Masjid di Pondok Tok Kenali] (bunyi kereta lalu di hadapan rumah)

AF : Ayah Man mengajar lagi *dok* [tidak] ilmu agama *loni* [sekarang]?

AM : Ayah Man banyak lupa dah jadi kalau orang tanya tanya boleh la *royak* [beritahu] kalau *hok* [yang] mana ingat (sambil ketawa)

WS : Slow-slow [perlahan-perlahan](bunyi motosikal)

AM : Jadi *takdok* [tiada] pergi mengajar *staro* [sampai] ini dulu *takdok* [tiada]

- AF : Berkaitan dengan *ilmu makrifat* [ilmu mengenal Allah] ini Ayah Man *dok* [kan] Ayah Man sempat tidak belajar dengan Haji Ahmad itu, bapa Ayah Man sendiri?
- AM : Dengan bapa Ayah Man ni ada la sikit-sikit tapi tidak ingat dah Ayah Man cuba juga *gitu* [begitu] (sambil ketawa)
- AF : Dulu sempat lah belajar dulu?
- AM : Sempat lah belajar dengan Ayah
- AF : *Loni* [sekarang] jawatan Ayah Man dalam Dewan Tok Kenali penasihat?
- AM : Dewan Tok Kenali Yang Dipertua
- AF : Yang Dipertua? Dewan Tok Kenali—
- AM : Yang Dipertua Dewan Tok Kenali, penasihat di Masjid Tok Kenali
- AF : Penasihat di Masjid Tok Kenali. Dewan Tok Kenali tu masih aktif tidak hingga sekarang?
- AM : Dewan Tok Kenali ini baru buat. Baru pun tidak baru juga la *lapan* [8] tahun dah. Jalan sikit-sikit jadi sekarang ini ada sikit lagi tak siap ya apa nama tu mozek yang itu (sedang berfikir) tandas bilik mandi tiada lagi, apa nama lampu bilik tingkat tingkat *dua* [2] dan *tiga* [3] tidak siap lagi kemudian kita nak buat *awning* [penutup pada tingkap] sekarang ini kita nak buat *awning* [penutup pada tingkap] untuk kita duduk tempat macam ini la (bunyi kereta) untuk

tempat *syarah* [mengajar]. Jadi kita tengah usahakan.

AF : Sekarang ni siapa *hok* [yang] uruskan Pondok Tok Kenali itu?

AM : Urusan Pondok Tok Kenali sekarang anak adik Ayah Man

AF : Adakah Ustaz Hafiz Hukmi *ko* [ke]?

AM : Ustaz Hafiz Hukmi. Anak kepada Haji Wardi

AF : Haji Wardi? Berapa buah sekolah *hok* [yang] dibangunkan oleh cucu ataupun cicit Tok Kenali? Hingga sekarang

AM : Sekolah yang dibangunkan oleh Tok Kenali sekolah ugama (sedang berfikir) Tok Kenali di Pondok Tok Kenali itu kemudian masjid lah di masjid tempat mengajar kitab

AF : Tempat mengajar kitab

AM : Tempat masyarakat. Jadi kita *duk* [sedang] cadang di- di Dewan Tok Kenali akan ambil alih tempat

AF : Tempat belajar?

AM : Fungsi Tok Kenali

- AF : Jadi nak tanya masa zaman Ayah Man muda dulu *kea* [kan], kawasan Pondok Tok Kenali tu meriah *dok* [tidak] masa tu maksudnya ramai *dok* [tidak] sambutan?
- AM : *Ho* [ya] ramai waktu itu ada Ayah dulu waktu ada Tok Kenali ramai kemudian waktu ada Ayah ramai *hoktu* [yang itu] ada daripada Kedah daripada Johor daripada Melaka kemudian selepas Ayah mati, Ustaz Wardi ganti
- AF : Ustaz Wardi?
- AM : Adik Ayah Man dia belajar di *Mesir* [Universiti Al-Azhar, Cairo, Egypt]. Habis di Mesir dia mengajar di Masjid dan buka sekolah. Lepas dia buka sekolah itu *ho* [ya] *gitu* [begitu] lah mengajarnya. Ayah Man macam itu lah jadi penasihat kemudian bila ada kerja sekali sekala ada orang jemput juga *bersyarah* [mengajar] di kampung
- AF : Mengajar di kampung pula la. Kira masa zaman Ayah Man dulu itu orang *hok* [yang] duduk di Pondok Tok Kenali itu dari pelbagai negeri ada?
- AM : Ada daripada Kedah daripada Johor daripada Negeri Sembilan. Dan waktu itu Ayah Man jadi ketua murid lah waktu Ayah ada. Ketua murid. Jadi kita buat bertanding syarahan bertanding baca Al-Quran. Jadi Ayah Man sebagai pengerusi lah

**AF : Jadi kita tamat bahagian pertama ni, kita pergi kepada bahagian kedua
iaitu kita nak tanya sikit pasal latar belakang Tok Kenali.**

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK KENALI

AF : **Jadi *gapo* [apa] sebenarnya nama penuh Tok Kenali?**

AM : Tok Kenali ni nama Awang. *Ho* [mengiyakan tanda setuju] Awang. Dia orang kampung panggil lah. Awang. Nama sebenarnya Muhammad Yusuf. Muhammad Yusuf nama dia sebenarnya.

AF : **Muhammad Yusuf?**

AM : Muhammad Yusuf Bin Ahmad.

AF : **Bin Ahmad? (bunyi motosikal)**

AM : Dan, setelah nama terakhirnya Tok Kenali. Tok Kenali ini (bunyi motosikal) dia asalnya beranak di Kampung Kenali. Jadi situ Kampung Kenali (bunyi motosikal) kerana dia orang tua orang panggil Tok jadi sampai sekarang ini kita buat Pondok Tok Kenali lah.

AF : ***Hoktu* [yang itu] sebabnya orang panggil Tok Kenali tu?**

AM : *Ha* [ya] *hoktu la* [sebab itu la]

AF : **Tempat kelahiran dia. Jadi Ayah Man ingat tak tahun berapa Tok Kenali lahir?**

AM : Tidak ingat. Hmm dia lahir tahun (bunyi kereta) tak ingat. Boleh berhenti sekejap? (Rakaman berhenti seketika kerana Ayah Man mengambil barangan

Tok Kenali)

AF : **Jadi kita sambung semula, tahun berapa Tok Kenali lahir Ayah Man?**

AM : Tahun (sedang berfikir) *tiga puluh lima* [1935]?

AF : **Tahun dia *lapan belas* [18] *enam puluh lapan* [1868] *dih* [kan]?**

AM : *Lapan belas enam puluh lapan* [1868]

AF : ***Enam puluh lapan* [1868]. Jadi anak Tok Kenali berapa orang Ayah Man?**

AM : Anak Tok Kenali *empat* [4] orang.

AF : ***Empat* [4] orang?**

AM : *Ho* [mengiyakan tanda setuju]

AF : **Ayah Man masih ingat lagi tidak nama-nama (bunyi motosikal)--**

AM : Yang *pertama* [1] Haji Ahmad (bunyi motosikal), yang *ke dua* [2] Haji Salleh, yang *ke tiga* [3] Haji Mahmud, yang *ke empat* [4] Haji Zawawi.

AF : **Haji Zawawi. Jadi bapa kepada Ayah Man Haji Ahmad anak sulung la?**

AM : Ayah Man? Ayah Man anak yang *ke tiga* [3]

- AF : Anak yang *ke tiga* [3] Ayah Man?
- AM : *Ho* [ya] anak yang *pertama* anak yang pertama [1] Hajjah Rahmat, yang *ke dua* [2] Haji Ridhwan, yang *ke tiga* [3] Haji Lokman, yang *ke empat* [4] Nordin, yang *ke lima* [5] Haji Wardi, yang *ke enam* [6] Marlia, yang *ke tujuh* [7] Abdullah, yang bongsu Naimah.
- AF : Naimah. *Okay* [Baiklah] Ayah Man, bapa kepada Tok Kenali dia meninggal dunia masa Tok Kenali kecil ke Tok Kenali besar dah? Maksudnya umur berapa Tok Kenali?
- AM : Tok Kenali ni anak yatim *dia* [Haji Ahmad, bapa Tok Kenali] mati sebelum Tok Kenali *baligh* [matang] lagi
- AF : Kira bapa dia meninggal dunia semasa Tok Kenali *takdok* [tiada] dah masa bapa dia *tiada* dah masa Tok Kenali lahir tu?
- AM : (Bunyi motosikal) Rasa-rasa bapa dia *tiada* dah
- AF : Antara cucu Tok Kenali ada *hok* [yang] yang sempat belajar dengan Tok Kenali?
- AM : Cucu Tok Kenali tidak sempat belajar dengan Tok Kenali. *Hok* [yang] sempat jumpa selama *empat puluh* [40] hari. Kakak Rahmat, Rahmat Haji Ahmad selama umur *empat puluh* [40] hari Tok Kenali meninggal.

AF : **Kakak Rahmat tu dia kecil lagi la**

AM : Kecil lagi

AF : **Kecil lagi, baru lahir? Nama isteri Tok Kenali?**

AM : Hajjah Rokiah, *satu* [1] lagi tidak ingat nama

AF : **Hajjah Rokiah**

AM : Hajjah Rokiah Tok Kenali anak itu apa isteri Tok Kenali yang dapat anak lah. *Hok* [yang] dulu itu satu orang sebelum daripada dia pergi ke Mekah dia dah kahwin sekejap selepas itu dia terus pergi ke Mekah umur dia *lapan belas tahun* [18] tahun.

AF : ***Lapan belas tahun* [18] tahun dia pergi ke Mekah?**

AM : Dia duduk di Mekah selama (sedang berfikir) *empat puluh* [40]- *empat puluh* [40] tahun

AF : ***Empat puluh tahun* [40] tahun di Mekah?**

AM : Jadi *empat puluh lapan* [48] lah dia --

AF : ***Empat puluh lapan* [48] dia balik**

AM : Di Mekah dia pergi umur *lapan belas* [18] tahun. Kemudian dia *kelik* [balik] dia balik daripada Mekah *empat puluh* [40] tahun umur *empat puluh* [40] tahun.

AF : *Empat puluh* [40] tahun dia balik? Jadi *lapan belas* [18]

AM : *Empat puluh dua* [42] tahun la dia belajar *dua puluh dua* [22] tahun

AF : Tok Kenali ni adakah dia memang minat ilmu agama ini sejak dia kecil lagi dia minat dah?

AM : Semenjak dia kecil lagi dia minat agama ini dalam masa itu memang tiada permainan *gapo* [apa] budak-budak kampung jadi dia ini duduk dengan orang tua dia itu jaga (sedang berfikir) waktu kecil waktu umur *sembilan* [9] tahun Tok Penggawa ambil dia buat kerani. *Ho* [ya] masa dia kecil umur *sembilan* [9] tahun buat kerani apa ni bilang-bilang pohon pinang (sambil ketawa) kutip hasil

AF : Masa dia kecil itu dia bekerja dah Tok Kenali?

AM : Dia bekerja dah umur *sembilan* [9] tahun

AF : Masa dia kecil tu dekat mana dia dapatkan ilmu agama maksudnya dia belajar?

AM : Ilmu agama dengan Datuk dia, *pahtu* [selepas itu] dia besar sikit umur *sembilan* [9] ke *sepuluh* [10] dia berulang-alik pergi ke Kota Bharu. Belajar di *Masjid Kota Bharu* [Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan]

- AF : Ayah Man ingat nama guru dia *hok* [yang] dia belajar masa kecil selain Datuk dia?
- AM : Nama Tuan Padang lagi Tuan Padang, Allah tidak ingat
- AF : Tidak ingat, tadi Ayah Man kata dia belajar dengan Datuk dia masa dia kecil, nama Datuk Tok Kenali ni *gapo* [apa] Ayah Man?
- AM : (Sambil ketawa) tidak ingat juga
- AF : Tidak ingat juga (sambil ketawa) *takpo-takpo* [tiada mengapa] jadi Datuk kepada Tok Kenali ini dia ajar Tok Kenali ini dalam bidang apa Fardhu Ain ke?
- AM : Bidang *Quran* [Al-Quran] la. Masa dia kecil *Quran* [Al-Quran]
- AF : Jadi bagaimana sifat keperibadian Tok Kenali ini ciri-ciri dia?
- AM : Ciri-ciri dia nya dia pergi mengaji *Quran* [Al-Quran] dengan guru *Quran* [Al-Quran] dia balik rumah dia duduk di *bendur* [balok kayu yang dipasang di tiang rumah], *bendur* [balok kayu yang dipasang di tiang rumah] ni macam itu la. Dia duduk bawah *bendur* [balok kayu yang dipasang di tiang rumah] begitu selepas itu dia ambil air liur dia tulis atas tangan dia
- AF : Di *bendur* [balok kayu yang dipasang di tiang rumah] itu?
- AM : *Dok* [bukan], dia tulis di tangan dia tapi duduk atas *bendur* [balok kayu yang dipasang di tiang rumah] la ambil air liur tulis. Jadi maknanya *hok* [yang] dia

belajar tadi dia tulis semula

AF : Dia tulis semula di tangan dia?

AM : Di tangan dia tulis. Jadi untuk ingat lah, jadi kalau dia pergi mengaji semula esok guru dia kata bacalah dia tidak mahu baca dah *pasal* [sebab] *hoktu* [yang itu] dia dah ingat semua. Dia tulis tangan dia ingat

AF : Kira dia ingat dah la balik tu dia baca semula

AM : Dia hafal la

AF : Hafal semula la

AM : Jadi *tokse* [tidak mahu] baca selepas itu dia baca *hok* [yang] lain

AF : Masa mula-mula dia kahwin tu umur dia berapa Ayah Man?

AM : Dia kahwin *lapan belas* [18] tahun lebih kurang

AF : Lebih kurang?

AM : Dia lepas bercerai itu (bunyi kereta) dia pergi ke Mekah duduk sana *empat puluh* [40] tahun. Balik pula baru dia kahwin dengan Hajjah Rokiah

- AF : Hajjah Rokiah. Tok Kenali dia mahir dalam ilmu agama ni bidang apa maksudnya tauhid ke *feqah* [ilmu berkaitan hokum dalam islam] ke *tasawuf* [ilmu menyucikan hati] ke?
- AM : Dia kebanyakan orang *oyak* [beritahu] dia apa lebih dalam *nahu* [cabang ilmu bahasa arab yang berkaitan tatabahasa]
- AF : *Nahu* [cabang ilmu bahasa arab yang berkaitan tatabahasa]? Arab *dok* [bukan]?
- AM : Arab lah. Nahu nak-nak *dua* [2] *lagu* [macam] lain (sambil ketawa)
- AF : Boleh tidak Ayah Man cerita perjalanan dia pergi menuntut ilmu di Mekah tu?
- AM : Menuntut ilmu di Mekah dia pergi dengan kapal laut
- AF : Kapal laut?
- AM : *Ho* [mengiyakan tanda setuju] pergi dengan kapal laut selepas itu kapal laut itu patah layar. Patah layar dia kapal layar tiada enjin pakai layar *jah* [sahaja]. Dengan layar itu ambil masa *enam* [6] bulan *hok* [yang] orang biasa tapi dia kerana patah layar *duk* [sedang] baiki layar lagi sekali dengan orang-orang kapal itu lah selepas itu jadi lama sikit la atas kapal selepas itu dia pergi sampai ke Mekah. Sampai ke Mekah ini nak duduk *takdok* [tiada] *aroh* [arah] pergi tidur masjid. Lepas tidur di masjid kitab-kitab yang dia belajar dengan Tok Guru orang *siam* [panggilan lain untuk orang Thailand] apa nama tidak

ingat. Sheikh Ahmad. Sheikh Ahmad dia pergi mula-mula pinjam kitab Sheikh Ahmad. (bunyi kereta) Dia pinjam kita Sheikh Ahmad dia belajar. Dia belajar-belajar habis tukar *hok* [yang] lain pula. Selepas itu lama-lama dia ada *pitih* [duit] orang *bui* [beri] *pitih* [duit] dia beli kitab. Beli kitab dia belajar *lagutu* [begitu] juga, belajar-belajar habis dia jual kitab *pah* [selepas itu] beli *hok* [yang] lain pula. Jadi dia terpaksa jual beli jual beli dia sendiri tiada kitab simpanan. Bila dia balik, ada *dua* [2] buah kitab sahaja iaitu kitab tidak ingat juga dah ada *dua* [2] buah kitab kitab nahu juga 'mughni- mughni labi' 'kitab mughni labi'. 'Mughni Labi' *sor* [satu] lagi tidak ingat

AF : (Bunyi kereta) Kitab *Nahu* [cabang ilmu bahasa arab yang berkaitan tatabahasa] dua-dua?

AM : (Bunyi kereta) *Nahu* [cabang ilmu bahasa arab yang berkaitan tatabahasa] dua-dua. 'Kitab Mughni Labi' selepas itu sekarang ini hilang tidak tahu ke mana kitab itu

AF : Jadi memang dia mendapatkan pendidikan tu kebanyakan dengan Sheikh Ahmad Fathoni la? Jadi masa di Mekah tu betul ke dia belajar Ayah Man kata *empat puluh* [40] tahun? Dia jadi macam dia baik dengan Sheikh Ahmad tu jadi dia ikut ke mana sahaja Sheikh Ahmad pergi betul?

AM : Sheikh Ahmad Fathoni. Dia ikut Sheikh Ahmad. Eh *empat puluh* [40] tahun ke, *dua puluh dua* [22] tahun.

AF : *Dua puluh dua* [22] tahun. Jadi betul tidak Ayah Man orang kata dia pergi ke Mekah tu berbekalkan *dua puluh dua* [22] “ringgit” jah[sahaja]?

AM : *Ho* [ya] mak dia bagi *dua puluh dua* [22] “ringgit” jah [sahaja]. Betul *dua puluh dua* [22] tahun dia di sana mak dia bagi *dua puluh dua* [22] “ringgit” selepas itu di sana tu ada la pula orang sedekah. Tapi *hok* [yang] mak dia bagi *dua puluh dua* [22] makna “seringgit” setahun

AF : Jadi selain Sheikh Ahmad Fathoni tu ramai lagi ke guru dia di Mekah? Ada guru-guru lain ke?

AM : Ada tapi tidak ingat juga

AF : Kebanyakan orang Arab semua lah guru dia?

AM : *Ho* [mengiyakan tanda setuju] orang Arab juga

AF : Jadi antara *hok* [yang] tersohor guru Tok Kenali ini siapa Ayah Man? (bunyi kereta) adakah Sheikh Ahmad itu sendiri?

AM : Sheikh Ahmad

AF : *Hok* [yang] paling tersohor lah. Jadi selain di Mekah dekat mana lagi Tok Kenali mendapatkan pendidikan agama ini atau sebelum dia pergi ke Mekah ke di mana?

AM : Sebelum pergi ke Mekah dia belajar dengan Datuk dia (bunyi motosikal)

kemudian dia pergi ke Kota Bharu, *Masjid Kota Bharu* [Masjid Muhammadi, Kota Bharu]. Berulang-alik ke *Masjid Kota Bharu* [Masjid Muhammadi, Kota Bharu] selepas itu lah umur *lapan belas* [18] tahun dia pergi ke Mekah

AF : **Selama itu dia berulang-alik daripada Kubang Kerian ke Kota Bharu lah?**

AM : *Ho* [ya] Kubang Kerian ke Kota Bharu dia ulang-alik

AF : **Dia menaiki *gapo* [apa] masa itu?**

AM : Jalan kaki

AF : **Jalan kaki sahaja? Jauh itu *deh* [kan] (bunyi kereta dan motosikal)**

AM : *Empat* [4] batu jah. *Empat* [4] batu *lapan* [8] batu dia ulang-alik

AF : **Masa zaman pembukaan Pondok Tok Kenali itu sebelum itu banyak dah ke dekat Tanah Melayu ini Pondok-Pondok, ada dah ke?**

AM : Rasa *hok* [yang] awal tahun tiada bunyi la

AF : **Tiada lagi masa itu?**

AM : Tiada. Dia balik ini sebagai orang yang mula-mula mengajar buka Pondok

AF : **Ibarat dia la pencetus pengajian Pondok ini**

AM : *Ho* [ya] pengajian Pondok ini dia sebagai pencetus

- AF : Tadi Ayah Man kata dia berulang alik daripada Kota Bharu, daripada Kubang Kerian ke Kota Bharu tadi dia belajar itu Al-Quran? Ke ada ilmu lain?
- AM : Al-Quran dan kitab-kitab macam lain
- AF : Kitab-kitab lain jawi ada semua lah?
- AM : Jawi kitab *Nahu* [cabang ilmu bahasa arab yang berkaitan tatabahasa] *gapo* [apa] ada dah situ dia belajar
- AF : Masa dia Tok Kenali selepas dia pulang daripada Mekah ke Kubang Kerian tu buat ini tidak, mengajar masyarakat ilmu agama?
- AM : Dia balik dia mula-mula mengajar di Masjid Kota Bharu. Selepas mengajar *Masjid Kota Bharu* [Masjid Muhammadi, Kota Bharu] dia nak rehat nak merdeka dia buka Pondok di Kampung Paya dekat Pondok Kenali juga dia buka Pondok di situ dan dia mengajar di situ juga
- AF : Kampung Paya?
- AM : Kampung Paya. Dekat Hospital Sains sekarang. *Ho* [ya] tempat tu Hospital Sains sekarang. Kampung Paya

AF : Dia mengajar tu kitab *gapo* [apa]? *Tauhid* [ilmu mengesakan Allah] ke *feqah* ilmu hukum islam] ke?

AM : Mengajar *blako* [semua]

AF : Mengajar *blako* [semua] semua kitab (bunyi motosikal) Ramai tidak anak murid Tok Kenali *maso* [semasa] itu?

AM : (Bunyi motosikal) Semasa itu tidak ramai tapi budak-budak itu berulang-alik macam *hok* [yang] mari dulu balik *pah* [selepas itu] mari pula *hok* [yang] baru pula. Sentiasa ada.

AF : Jadi kebanyakan anak murid dia tu daripada mana?

AM : Dulu daripada Kedah, Johor (bunyi motosikal) daripada Negeri Sembilan, Melaka banyak negeri juga

AF : Ada tak daripada luar daripada Tanah Melayu, Thailand ke?

AM : Thailand begitu la pun ada juga. Sehingga orang Vietnam mengatakan Kelantan ini serambi Mekah

AF : Daripada ini la pembukaan Pondok ni?

AM : Masa pembukaan Pondok itu orang Kemboja dia kata sini la Mekah

AF : Orang Kemboja kata sini la Mekah?

AM : (Sambil ketawa) Sini la Mekah

AF : **Jadi bila orang Kemboja contoh dia *mari* [datang] belajar di Pondok Tok Kenali Ayah Man *dok* [kan] dia menggunakan bahasa *guano* [bagaimana] Ayah Man?**

AM : Agaknya bahasa Kemboja campur Melayu

AF : **Jadi dia belajar lah bahasa Melayu?**

AM : Dia belajar

AF : **Selain Pondok-pondok Tok Kenali pergi mengajar di mana lagi Ayah Man dan dengan siapa dia pergi mengajar?**

AM : Dia ada (bunyi lori) juga dekat kampung sambil-sambil dia pergi berjalan itu dia orang panggil bersyarah dia suruh bersyarah. Dan dia ini kawan baiknya Tok Selehong. Dia pergi ke mana-mana kampung itu kadang-kadang berdua lah. Tok Selehong tu dia *braso* [seperti] jenis suka cerita-cerita sedikit. Jadi Tok Kenali ni *braso* [seperti] *jung* [tukang] berdo'a sahaja

AF : **(Bunyi kereta) Jadi Tok Selehong dengan Tok Kenali, yang mana lebih tua?**

AM : Rasanya tua Tok Kenali

AF : Tok Kenali lebih tua lah, jadi sahabat baik lah Tok Kenali dengan Tok Selehong nih. Anak-anak murid Tok Kenali *hok* [yang] dahulu tu ramai tidak yang berjaya menjadi Ustaz ke *loni* [sekarang] menjadi guru ke?

AM : *Hok* [yang] dulu ada jadi *Mufti Johor* [Saiyid Alwi Bin Thahir Al-Haddad], *Mufti Negeri Sembilan* [Haji Hasan Bin Sail] (bunyi motosikal), Haji Hassan lagi *gapo* [apa]

AF : Jadi Mufti?

AM : *Ho* [ya] di Kedah pun ramai juga tapi tidak ingat nama

AF : Masa selepas Tok Kenali pulang daripada Mekah, selain mengajar dia ada buat kerja lain tidak?

AM : *Takdok* [tiada] dia jenis mengajar

AF : Mengajar sepenuh masa lah. Jawatan beliau dalam kerajaan *gapo* [apa]?

AM : Dalam kerajaan dia pengarang 'Pengasuh' di majlis

AF : Pengarang 'Pengasuh' di majlis? MAJLIS AGAMA ISLAM lah?

AM : (Bunyi batuk) dia buat majalah 'Pengasuh', dia jadi ketua pengarang

AF : Ayah Man ada tidak (bunyi motosikal) Ayah Man ada tidak dengar cerita *hok* [yang] kebanyakan masyarakat cerita, cerita pelik-pelik pasal Tok Kenali? Karamah lah orang panggil

AM : Cerita Tok Kenali ni *hok* [yang] pelik-peliknya Tok Guru dia tanya, buah apa yang sedap di negeri kamu? Jadi dia kata buah durian, *mu* [engkau] boleh tidak bawa untuk aku buah durian? InsyaAllah dia kata boleh, selepas itu dalam masa seminggu dia boleh bawa buah durian itu kepada Tok Guru dia. Dia bawa durian ke Tok Guru dia dan pada masa itu tiada kapal terbang tiada *gapo* [apa]

AF : Semasa itu di Mekah Ayah Man?

AM : Ya di Mekah. Jadi dia bermakna dia boleh terbang la maknanya (sambil ketawa). Orang cerita lah (sambil ketawa)

AF : Ada cerita-cerita lain lagi?

AM : Cerita lain waktu itu dia duduk di Pondok, dia cukur kepala jadi budak Johor cukur kepala dia, selepas itu dia kata sekejap aku nak _ dia tiada sebentar dia terbang pergi ke Madinah, Madinah terbakar *gapo* [apa] ini tempat bercukur itu masa itu lah, apa dah tempat Allahuakbar, tempat *kijo* [bekerja] tempat niat haji lah itu tidak ingat jadi dia pergi padam api terbakar di sana kemudian dia balik, terbang balik anak murid dia duduk tempat itu lagi, tempat cukur kepala itu. Selepas itu balik tengok kepala dia *cemar* [kotor] kepala dia *cemar* [kotor] kena arang tapi dia tidak *oyak* [beritahu], Tok Guru anak murid dia pun tidak

tanya kemudian balik orang daripada Mekah orang tanya Tok Kenali pergi ke *Mekah* [Arab Saudi] ke tidak, *takdok* [tiada], Tok Kenali ada di sini. Jadi orang hok [yang] pergi ke *Mekah* [Arab Saudi] itu tengok [lihat] Tok Kenali sedang padam api di *Mina* [Arab Saudi]. Terbakar di *Mina* [Arab Saudi] dia padam api jadi orang ke *Mekah* [Arab Saudi] tengok [lihat] selepas itu balik tanya duduk [tinggal] di sini tiada ke mana-mana. Itu yang dicerita lah

AF : Jadi *hok* [yang] cerita satu lagi tu *hok* [yang] pasal orang berlaga apa, ayam? Dekat Pondok dia?

AM : Berlaga lembu di tempat itu, di *kampung belukar* [Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan] *aluk ilir* [di hujung kampung]. Masa itu orang bersorak sorak berlaga lembu yang mereka rasa boleh menang pada waktu maghrib. Tok Kenali berkata rumah terbakar ke orang bersorak?

AF : Tok kenali yang berkata begitu ke?

AM : Tok Kenali bertanya buat kali *ke dua* [2] rumah terbakar ke orang duk bersorak itu, orang kata tidak ada orang tengah berlaga lembu itu yang bersorak kuat. Tengah malam rumah tersebut terbakar. Maknanya berkat lah jugak mulut Tok Kenali mengikut cerita asal beliau.

AF : **Semasa Tok Kenali meninggal umur dia berapa Ayah Man?**

AM : (Mengeluh) *enam puluh tiga* [63] tidak ingat sangat.

AF : **(Bunyi bacaan bismillah di masjid) *Enam puluh lima* [65 tahun] kalau tidak silap sayalah?**

AM : *Enam puluh lima* [65] lah tu umurnya.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PERJUANGAN TOK KENALI

WS : Kita teruskan pada bahagian *ke tiga* [3], adakah Tok Kenali memperjuangkan hak orang Islam di Kelantan pada ketika itu?

AM : Dia mengajar agama sahaja, pada masa itu tiada parti politik lagi.

WS : Apakah jawatan beliau di dalam majalah pengasuh?

AM : Ketua pengarang.

WS : Pernahkah beliau terlibat dengan majlis agama dan adat istiadat Melayu setibanya dia dari Mekah?

AM : (Bunyi motorsikal melintas) Dia terlibat dengan mengarang sahaja rasanya.

WS : Adakah dengan ajaran agama beliau melahirkan tokoh-tokoh agama lain?

AM : Abdullah Tahir anak murid *pertama* [1] orang berasal dari Bunut Payung Kelantan, kemudian orang Kemboja tapi tidak ingat namanya, selepas itu Haji Wahid di Melaka. Sementara itu, [Hasan Yunus pula di Sri Besar Johor]

WS : Dengan kelahiran pelajar dari didikanya, adakah mereka membuka pondok juga?

AM : Ohh, Haji Hassan membuka sebuah pondok di Melaka (bunyi bacaan ayat suci Al-Quran)

WS : Berapa buah pondok yang anak didikannya bina, adakah ayah man ingat?

AM : Haji Tahir pondoknya di Bunut Payung, Haji Wahid di Senai Melaka (bunyi kereta melintas).

WS : Adakah Tok Kenali aktif dalam bidang penulisan?

AM : Dia aktif, dia menjadi ketua pengarang masa itu.

WS : Agak-agak berapakah hasil tulisan beliau dalam majalah pengasuh?

AM : Tak pasti tapi dia agak-agaknya tulis sahaja, tapi bilangannya tidak pasti

WS : Adakah hasil tulisannya disimpan di tempat yang khas?

AM : Hasil bacaannya masih lagi disimpan berbentuk surat khabar.

WS : Adakah hasil tulisannya dijadikan bahan rujukan atau sekadar bacaan sahaja?

AM : Sekadar bacaan sahaja tetapi dimasukkan di dalam majalah.

WS : Ada sesetengah informasi yang diterima mengatakan yang Tok Kenali terlibat di dalam pemerintahan Negeri Kelantan ketika itu dan beliau juga rapat dengan Menteri Besar pada masa itu juga.

AM : Ya betul dia sangat baik iaitu [Datuk Perdana], hubungan mereka baik dari mereka belajar lagi di Mekah. Beliau juga menjadi tukang masak di Mekah,

disebabkan permintaan ramai di sana.

WS : Ada juga orang berkata bahawasanya beliau terlibat di dalam penggubalan undang-undang kanun tanah negeri, adakah ini benar atau sekadar buah mulut orang?

AM : Kalau ada pun sedikit sahaja.

WS : Dikatakan Menteri Besar juga meminta pandangan beliau dari segi agama untuk pemerintahan adakah benar?

AM : Sebab dia belajar di tempat yang sama, maksudnya di masjid yang sama.

WS : Dikatakan Menteri Besar juga meminta pandangan beliau dari segi agama untuk pemerintahan adakah benar?

AM : Sebab dia belajar di tempat yang sama, maksudnya di masjid yang sama.

WS : Pulangnya dia dari Mekah adakah beliau pencetus pembinaan pondok di Kelantan?

AM : Mengikut cerita begitulah sebab semasa dia mengajar di masjid di *alih rasa* [merasakan] ingin membuka pondok dia sendiri di pondok payung berhampiran Hospital Besar Kota Bharu. Selepas itu Sultan memanggilnya semula untuk mengajar di *Masjid* [Masjid Besar Kota Bharu]. (Bunyi helaian kertas) Dia berasa puas dapat mengajar di Masjid tersebut, sebelum ini dia mengajar di Pondok Kenali.

- AF** : **Saya dengar cerita Tok Kenali juga rapat dengan *Sultan Muhammad Ke IV* [Tuan Long Senik]?**
- AM** : Ya agak rapat *Menteri Besar* [Menteri Besar Kelantan] dan *Sultan* [Sultan Muhammad Keempat] juga minta pandangan beliau dari segi ajaran agama islam.
- WS** : **Dari kajian saya juga beliau ada menterjemahkan *satu* [1] atau *dua* [2] buah kitab setibanya dia dari Mekah, adakah ini benar?**
- AM** : Mungkin ada tetapi Ayah Man tidak berapa ingat (ketawa).
- AF** : **Kebanyakan yang Tok Kenali Belajar di Mekah merupakan kitab arab adakah itu benar Ayah Man?**
- AM** : Ya, dia belajar kitab Arab semuanya.
- WS** : **Adakah Tok Kenali pernah mengajar di mana-mana masjid?**
- AM** : Ya masjid Kota Bharu [Masjid Besar Kota Bharu]
- WS** : **Masjid Muhammadi adalah tempat dia kerap mengajar tetapi adakah dia mengajar juga di Masjid lain atau tidak?**
- AM** : Dia lebih kerap mengajar di sana kalau masjid lain dia banyak pegi berjalan-jalan dan melawat sahaja seperti di Masjid Besut [Masjid Besar Nesut Terengganu], Tumpat dan Masjid berdekatan.

WS : Di masjid Muhammadi di katakan ramai pelajar yang belajar dengan beliau, adakah ramai dari Kelantan atau dari negeri lain?

AM : Luar lebih ramai, orang Kelantan ketika itu hanya sekadar pergi dan mendengar tetapi tidak mengamalkannya.

WS : Adakah masjid Muhammadi ni telah terkenal sebelum tibanya Tok Kenali atau sebaliknya?

AM : Telah terkenal sebelum Tok Kenali lagi sebabnya dia juga belajar di sana dahulu.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN TOK KENALI

WS : Adakah benar dia digelar Mujaddid Islam Nusantara?

AM : Orang-orang zaman sekarang yang (bunyi enjin motor yang kuat) memberi gelaran tersebut.

WS : Ada juga yang menggelarkannya sebagai Sibawiyah, adakah benar?

AM : Sibawiyah, sebab dia juga merupakan guru naungan. Jadi dia sudah dikenali sebagai guru naungan ketika itu.

WS : Adakah Tok Kenali merupakan pencetus pengajaran Bahasa Arab ketika itu?

AM : Ramai orang melayu tidak memahami Bahasa Arab ketika itu jadi dia bertanggungjawab menterjemahkan kitab Arab dan kebanyakan orang belajar dengannya untuk memahami Bahasa Arab.

WS : Dikatakan beliau juga menghasilkan kitab-kitab adakah benar?

AM : Dia menulis sendiri kitab-kitab tersebut didalam majalah 'Pengasuh' , ianya datang dari buah fikirannya sendiri.

WS : Adakah Ayah Man ingat berapakah jumlah kitab yang dihasilkan?

AM : Ada kita (Ayah man dan ahli dewan Tok Kenali) ambil karya tersebut dan menyimpannya tetapi Ayah Man tidak ingat berapa jumlahnya.

- WS : Siapakah pewaris tunggal ilmu-ilmunya ketika ini?**
- AM : Hmm *gemuloh* [arwah] Ayah pada saya lah iaitu Haji Ahmad. Beliau belajar di Mekah *Empat* [4] tahun dan dia balik belajar dengan Tok Kenali, jadi sedikit ilmunya dapat dikongsikan.
- WS : Daripada kitab-kitab yang dihasilkan, adakah kitab-kitab tersebut di pelajari dan digunakan?**
- AM : Adalah sedikit yang dipelajari, tetapi arwah Ayah lah yang banyak belajar darinya kerana beliau rapat dengannya. Tetapi orang tanya arwah Ayah tak belajar ilmu lain ke, dia menjawab “duri tajam sendiri di dalam hutan”. Tetapi berpandukan ilmu Tok Kenali juga tetapi tidak menumpukkan sepenuhnya seperti budak-budak pondok, hanya sekadar belajar sahaja.
- WS : Dikatakan Tok Kenali minat pada syair Arab, adakah beliau pernah mencipta syair-syair ketika berada di arab?**
- AM : Ada tetapi tidak menjadi minatnya di sana.
- WS : Adakah perjuangan beliau bersifat pentingkan penguasaan tatabahasa arab pada setiap golongan muda ketika itu?**
- AM : Ya dia mengajar bahasa arab kerana dia menguasai bahasa tersebut dan beliau ingin menyedarkan golongan muda bahawa pentingnya Bahasa Arab.

WS : Dikatakan ilmu *Tasawwuf* [Ilmu menyucikan hati] juga penting ketika itu adakah Tok Kenali juga diantara penggerak ilmu itu di Kelantan pada ketika itu?

AM : Dia meminati juga ilmu *Tasawwuf* [Ilmu menyucikan hati] tetapi tidak secara mendalam, Ayah Man juga tidak berapa ingat tentang penekanan beliau terhadap ilmu tersebut.

WS : Adakah beliau masih terlibat dengan majalah pengasuh semasa beliau aktif dalam pengajian ilmu *tasawuf* [ilmu menyucikan hati]?

AM : Ya dia masih terlibat dia campurkan *goni-goni* [itu ini] kerana beliau mampu bergiat aktif dan jika dikaji kita akan pening dengan kemampuan hebat yang beliau ada.

WS : Betulkah sekolah-sekolah sekarang banyak mengambil ilhamnya daripada penghasilan tulisan Arab ke tulisan rumi?

AM : Di sekolah melayu Ayah Man tidak pasti tetapi ada juga orang mengatakan yang beliau mengesyorkan sekolah-sekolah mempelajari bahasa inggeris pada ketika itu.

WS : Dari pandangan Ayah Man sendiri wajarkah Tok Kenali di ingati dengan jasanya terhadap perjuangan islam?

AM : *Molek* [Elok] juga kerana beliau sebagai pencetus pengajaran agama Islam di Malaysia.

WS : Adakah beliau juga pencetus cara-cara pengajaran tatabahasa Arab di Malaysia tersebar secara meluas?

AM : Ada campur aduk juga, tetapi dia ada ambik bahagian juga.

WS : Wajarkah usaha-usaha beliau seperti pondok-pondok, masjid dan sekolah terus digunakan?

AM : Ya kerana dia buat dan orang ikut jejak langkahnya. Kiranya dia pencetus segala-galanya

WS : Adakah perlu setiap usahanya dibukukan?

AM : Ya, sepatutnya di bukukan dan di sebarkan agar jasa beliau dikenang oleh orang ramai. Tetapi orang sekarang tidak pedulikan beliau, mereka lebih agungkan orang lain dibuat bangunan, pintu gerbang dan sebagainya, Jadi sebab itulah Ayah Man berusaha membuat pusat tahfiz di Dewan Tok Kenali merupakan salah satu cara bagi orang ramai mengenang jasa Tok Kenali.

WS : Wajarkah jasa-jasa beliau diingati oleh masyarakat kini?

AM : Sepatutnya ada usaha dilakukan.

WS : Adakah waris-warisnya meneruskan pengajiannya di masakini?

AM : Daripada warisnya tiada kerana ahli keluarga Ayah Man tidak mendalami

ilmunya dengan lebih lagi.

WS : Dengan semangat dan cara yang dibawa oleh Tok Kenali, perlukah diteruskan oleh generasi yang akan datang?

AM : Kita pada masa kini cubalah didik orang-orang muda belajar seperti dia dan kembangkan semula ilmunya ke peringkat yang lebih tinggi.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENDAPAT PENCERITA

- AF : Dari pendapat Ayah Man macam manakah kita nak jadikan diri kita seorang yang bertakwa terhadap Allah S.W.T?**
- AM : Bagi pendapat Ayah Man marilah kita menyokong syiar islam dan pemimpin yang menegakkan islam. Kerana mereka ini menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah S.W.T.
- AF : Bagi Ayah Man Tok Kenali ni seorang yang *tawadhu*' [rendah diri], jadi bagaimanakah kita boleh mencapai ke tahap tersebut?**
- AM : Cara Tok Kenali mengikut kata Arwah Ayah beliau selalu membaca surah al-ikhlas iaitu [Surah Al Ikhlas 112, Ayat 1 hingga 4]. Bagi menguatkan diri kita untuk menegakkan agama kerana Allah S.W.T dan juga beramalnya dengannya.
- AF : Ayah Man rasa setiap orang yang mukalaf ni wajib atau tidak mempelajari ilmu tauhid ni?**
- AM : Ya mesti, kalau tidak mereka tidak tahu bagaimana nak mengajar anak-anak mereka di masa yang akan datang.
- AF : Dari pendapat Ayah Man bagaimana kita ingin memberitahu masyarakat bahawasanya ilmu tauhid ini penting?**
- AM : Kena galakkan mereka pergi ke masjid atau surau lah (ketawa kecil).

- AF : Bagi Ayah Man ada orang mengatakan yang orang yang tidak fasih didalam bahasa arab tidak layak membahas di dalam bahasa arab adakah benar?
- AM : Kalau begitu Agama Islam tidak boleh berkembang, jadi kita wajib sebarkan yang mana yang tidak tahu harus selidik dan cari jalan penyelesaian.
- AF : Ayah Man rasa setiap orang yang *mukalaf* [orang yang telah akil baligh] ini wajib atau tidak mempelajari ilmu tauhid ni?
- AM : Ya mesti, kalau tidak mereka tidak tahu bagaimana nak mengajar anak-anak mereka di masa yang akan datang.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: HARAPAN PENCERITA

AF : Apakah harapan Ayah Man untuk anak muda masa kini?

AM : Harapan Ayah Man agar kamu berdua menjadi contoh yang baik. Bergerak dalam kelas, surau dan di dalam masyarakat bagi menyebarkan dakwah islam.

AF : Apakah harapan Ayah Man terhadap Dewan Tok Kenali?

AM : Ayah Man harapkan agar Dewan Tok Kenali menjadi satu sumber bagi mengenangkan jasa beliau, mengingati beliau dan beribadat seperti beliau dengan berpegang teguh pada Allah S.W.T.

AF : Apakah pesanan yang Ayah Man ingin sampaikan pada umat islam di luar sana?

AM : Sebagai Umat Islam kita kena bersatu bagi menegakkan syiar Islam daripada di pandang remeh oleh golongan *kafir* [bukan Islam] di luar sana.

AF : Semua usaha Tok Kenali adakah perlu dijadikan sebuah buku bagi memperingati beliau?

AM : Teramat baik bagi menghasilkan buku bagi menarik minat orang ramai untuk mengetahui sifatnya dan mempraktikannya di dalam hidup mereka seharian.

- AF** : **Jadi tamat lah bahagian terakhir jadi terima kasih kepada Ayah Man sudi menjadi pencerita kami pada hari ini.**
- AM** : Ya yang mana *molek* [elok] datang dari Allah S.W.T dan kalau tidak elok ayah man mintak maaf lah ya.

TAMAT BAHAGIAN 6

RUJUKAN

Kisahteladan.info. (n.d). Retrieved June 27, 2017, from <https://kisahteladan.info/ulamak/tokkenali.html>

Makrifat Tok Kenali. (n.d). Retrieved June 28, 2017, from <https://makrifattokkenali.com>

Tok Kenali dikenali Ulama' dan Wali. (n.d.). Retrieved March 8, 2017, from <https://mindaahad.wordpress.com/2013/09/05/tok-kenali-dikenali-ulama-dan-wali/>

INDEKS

F

Feqah, 23, 28

K

Kelantan, 3, 9, 21, 29, 33, 34, 37, 38, 39, 42

Kubang Kerian, 3, 9, 27, 28, 33, 50

M

Malaysia, 43

Makrifat, 11

N

Nusantara, 40

S

Sultan, 3, 38

Sibawiyah, 40, 41

T

Tok Kenali, 1, 3, 5, 7, 10, 11, 13,

Tok Selehong, 30, 31

Tasawuf, 23, 43

Tauhid, 23, 28, 46, 47

LAMPIRAN

LOG TEMUBUAL

Ahmad Fazri Bin Kamarul Zaman dan Wan Sahzwan Nadzmi Bin Sukardi menemubual Ayah Man, yang tinggal di Kubang Kerian. Temubual dijalankan di rumah beliau di Pasir Putih, mengenai beliau sebagai cucu Tok Kenali dan siapakah Tok Kenali, serta jasanya.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA		
0.00	Biodata Pencerita termasuk nama, tempat tinggal, nama samarang dan umur.	Wakaf Tuan Farrel, Pasir Puteh
3.00	Anak-anak Ayah Man	Bob Lokman Sharifah Hikmah Hafiz Nazir Hakim
05.30	Pendidikan Ayah Man	Sekolah Melayu Sekolah Maahad Muhammadi Sekolah Pondok
06.51	Pekerjaan Ayah Man sekarang	Penasihat Masjid Tok Kenali
08.31	Pengurusan Pondok Tok Kenali	Ustaz Hafiz Hukmi Bin Haji Wardi
12.20	Nama Anak-anak Tok Kenali	Haji Ahmad Haji Soleh Haji Mahmud

		Haji Zawawi
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOKOH		
10.48	Nama Penuh Tok Kenali	Awang Muhammad Yusuf Bin Ahmad
15.37	Tok Kenali sebagai kerani semasa 9 tahun	Tok Penggawa Kubang Kerian
18.44	Kepakaran Tok Kenali	Nahu Tauhid Feqah Tasawwuf dll.
23.20	Pembukaan Sistem Pondok	Pondok Tok Kenali, Kubang Kerian
25.11	Anak Murid Tok Kenali	Negeri Sembilan Johor Bahru Vietnam Thailand Kedah
27.00	Pencapai Anak Murid Tok Kenali	Mufti Negeri Sembilan Mufti Johor Pengasas Pondok Bunut Payong
27.44	Pekerjaan Tok Kenali	Ketua Pengarang Majalah Pengasuh

28.00	Cerita Pelik Tok Kenali	Sheikh Ahmad Fathani
28.50	Cerita tentang rumah terbakar	Masyarakat Kampung Kenali
BAHAGIAN 3: PERJUANGAN TOK KENALI		
31.00	Berkaitan dengan perjuang Tok Kenali.	Memperjuangkan islam Jawatan dalam majalah pengasuh Dari perjuangannya dapat melahirkan tokoh-tokoh
37.33	Minat Tok Kenali dan perubahan yang dibawakan.	Hubungan baik dengan Sultan Kelantan yang ke IV dan Menteri Besar Kelantan. Menterjemahkan kitab-kitab Arab ke Bahasa Melayu. Mengajar di Masjid Muhammadi. Menjadi penulis yang aktif di dalam Majalah Pengasuh.
BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN TOK KENALI		
46.42	Pencapaian beliau.	Mujaddid Islam Nusantara Sibawiyah

		<p>Temangan Lama</p> <p>Pengajaran Arab</p>
49.16	<p>Pendapat tokoh dan jasa-jasa Tok Kenali.</p>	<p>Wajarkah Tok Kenali diingati</p> <p>Pencetus tafsiran kitab-kitab Arab</p> <p>Usaha-usaha beliau dalam pembinaan pondok</p> <p>Jasa beliau perlu dibukukan</p>
BAHAGIAN 5: PENDAPAT PENCERITA		
50.33	<p>Jadikan diri seorang yang sabar, ikhlas, tawadhu' dan redha</p>	<p>Menyokong syiar Islam</p> <p>Surah Al-Ihklas</p> <p>Mukalaf</p>
53.17	<p>Kesabaran yang tinggi dan kepentingan terhadap Allah S.W.T</p>	<p>Tidak boleh berkembang kalau tidak dipelajari</p> <p>Perlu rajin menuntut ilmu</p> <p>Ikhlas hati</p>
BAHAGIAN 6: HARAPAN PENCERITA		
54.03	<p>Harapan tokoh</p>	<p>Contoh yang baik</p> <p>Memperluaskan ajaran Islam</p> <p>Ikhlas dalam mempelajarinya</p> <p>Dewan Kenali</p>

		Pesanan kepada Umat Islam di luar sana
59.32	Usaha Tok Kenali dibukukan dan ucapan terima kasih.	Perlu bukukan kisah dan jasa Tok Kenali Ucapan terima kasih

BIOGRAFI TOKOH



NAMA PENUH	MUHAMMAD YUSUF BIN AHMAD
GELARAN	TOK KENALI AWANG
TAHUN LAHIR	1868
TAHUN MENINGGAL DUNIA	1933
BIDANG ILMU	NAHU, SOROF, FIQH, TAUHID, TASAWUF, HADIS, AL-QURAN
NAMA ISTERI	HAJJAH ROKIAH
NAMA ANAK	Haji Ahmad Haji Soleh Haji Mahmud Haji Zawawi
JAWATAN	KETUA PENGARANG MAJALAH PENGASUH, MAJLIS UGAMA ISLAM

DIARI KAJIAN

TARIKH	PERKARA
8 MAC 2017 8.00Pagi-10.00Pagi	<p>Pada 8 Mac 2017 bersamaan dengan hari Rabu, di Blok D110 UiTM Cawangan Kelantan, kami telah menerima satu tugas untuk subjek IMR 604 (Oral Documentation) yang diajar oleh Puan Nor Kamariah Binti Chik iaitu mengkaji tentang cerita rakyat negeri Kelantan. Sebelum itu, kami dikehendaki memilih pasangan untuk menjalankan kajian ini. Jadi ahli kumpulan kami ialah Ahmad Fazri dan Wan Sahzwan. Kami diberi masa untuk memilih tajuk mengikut tema yang telah diberikan iaitu cerita rakyat negeri Kelantan. Jadi kami berdua memilih dan berminat untuk membuat kajian tentang kisah seorang Wali Allah iaitu Tok Kenali. Sebelum mencari pencerita yang sesuai untuk tajuk kajian kami, kami ditugaskan untuk membuat sedikit pengenalan tentang tajuk kami. Jadi kami membahagikan tugas untuk mencari maklumat tentang Tok Kenali. Kami telah menggunakan medium internet sebagai sumber rujukan kami yang pertama sebelum kami mencari pencerita untuk tajuk kami. Kumpulan kami telah mencari waris Tok Kenali samada cucu atau cicitnya untuk kami temuramah. Jadi kami bercadang untuk melawat ke kampung Tok Kenali di Kubang Kerian untuk mencari pewarisnya dan melihat sendiri suasana di kampungnya.</p>

TARIKH	PERKARA
<p>15 MAC 2017 8.00Pagi-10.00Pagi</p>	<p>15 Mac 2017 bersamaan hari Rabu bertempat di Blok D110, UiTM Cawangan Kelantan, kami dikehendaki untuk memastikan sama ada tajuk yang dipilih itu muktamad atau tidak. Kami juga diminta untuk menunjukkan pengenalan kepada tajuk kami, dan syukur ke hadrat ilahi kerana tajuk dan pengenalan kami telah diterima oleh Puan Nor Kamariah Bt Chik dan Puan Noor Rahmawati Binti Alias. Kami juga telah ditugaskan untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu ratus soalan yang sesuai untuk ditanyakan kepada pencerita. Sebelum kami membuat soalan tersebut, kami telah bercadang untuk menyelidik dengan lebih mendalam lagi tentang hikayat Tok Kenali supaya kami dapat mencari maklumat tentang apa yang belum diketahui orang ramai seperti karamah, ilmu kasyaf Tok Kenali dan sebagainya. Kami sangat teruja kerana cerita yang kami baca daripada sumber internet sangat menarik. Kami telah menentukan tajuk yang sesuai iaitu "Makrifat Tok Kenali". Kami telah merancang untuk pergi melawat ke Pondok Tok Kenali yang bertempat di Kubang Kerian pada 19 Mac 2017 kerana pada masa itu sahaja kami berkesempatan untuk melawat ke Kampung Ulama' tersebut. Tujuan kami ke sana adalah untuk mencari waris atau pencerita, mendapatkan maklumat tentang cerita Tok Kenali, dan juga melawat hasil pembangunan yang dibangunkan oleh anak-anak dan waris Tok Kenali.</p>

TARIKH	PERKARA
<p>19 MAC 2017</p> <p>11.00Pagi- 3.30Petang</p>	<p>19 Mac 2017 bersamaan hari Ahad bertempat di Kampung Kenali, Kubang Kerian Kota Bharu. Kami bertolak dari UiTM Cawangan Kelantan pada jam 11.00 Pagi dan destinasi kami adalah Pondok Tok Kenali. Dengan menaiki kereta, kami tiba di destinasi pada jam lebih kurang 12.10 Tengahari di Kampung Kenali kerana jalan agak sesak semasa dalam perjalanan. Tetapi apabila kami tiba di sana, kami dapati tiada orang di Sekolah Agama dan juga tadika yang diasaskan oleh Cicit Tok Kenali iaitu Ustaz Hafiz Hukmi kerana musim cuti persekolahan. Namun kami sempat bertanya kepada penduduk di situ tentang waris, ustaz atau guru yang boleh menceritakan tentang Tok Kenali dan kami telah mendapat nombor pejabat Dewan Tok Kenali. Kami terus menghubungi nombor tersebut tetapi malangnya panggilan tersebut tidak dijawab dan mungkin kerana mereka sedang bercuti. Tetapi kami tidak berputus asa, kami bercadang untuk melawat buat kali kedua ke Kampung Kenali pada 26 Mac 2017 kerana pada ketika itu persekolahan telah pun dibuka dan misi kami pada 19 Mac gagal untuk mencari pencerita.</p>

TARIKH	PERKARA
<p>19 MAC 2017</p> <p>11.00Pagi- 4.30Petang</p>	<p>19 Mac 2017 bersamaan hari Ahad bertempat di Kampung Kenali, Kubang Kerian Kota Bharu. Kami bertolak dari UiTM Cawangan Kelantan pada jam 11.00 Pagi dan destinasi kami adalah Pondok Tok Kenali. Dengan menaiki kereta, kami tiba di destinasi pada jam lebih kurang 12.10 Tengahari di Kampung Kenali kerana jalan agak sesak semasa dalam perjalanan. Tetapi apabila kami tiba di sana, kami dapati tiada orang di Sekolah Agama dan juga tadika yang diasaskan oleh Cicit Tok Kenali iaitu Ustaz Hafiz Hukmi kerana musim cuti persekolahan. Namun kami sempat bertanya kepada penduduk di situ tentang waris, ustaz atau guru yang boleh menceritakan tentang Tok Kenali dan kami telah mendapat nombor pejabat Dewan Tok Kenali. Kami terus menghubungi nombor tersebut tetapi malangnya panggilan tersebut tidak dijawab dan mungkin kerana mereka sedang bercuti. Tetapi kami tidak berputus asa, kami bercadang untuk melawat buat kali kedua ke Kampung Kenali pada 26 Mac 2017 kerana pada ketika itu persekolahan telah pun dibuka dan misi kami pada 19 Mac gagal untuk mencari pencerita.</p>

TARIKH	PERKARA
<p>25 MAC 2017</p> <p>09.30Pagi- 12.30Tengahari</p>	<p>25 Mac 2017 bersamaan hari Sabtu bertempat di UiTM Machang, Kelantan. Kami bertolak ke Muzium Islam Negeri Kelantan yang terletak di belakang Masjid Muhammadi. Tujuan kami ke sana adalah untuk mencari maklumat tentang Tok Kenali dan untuk mencari pencerita yang sesuai untuk tajuk kami iaitu Makrifat Tok Kenali. Di sana terdapat pameran gambar dan juga koleksi kata-kata hikmah oleh Tok Kenali dan juga ulama' lain seperti Tok Selehong, Tok Ku Paloh dan ramai lagi. Kami bertanyakan kepada pegawai di situ tentang pencerita yang sesuai untuk tajuk kami tetapi beliau juga tidak mengetahui tentang pencerita Tok Kenali. Misi kami gagal.</p>

TARIKH	PERKARA
<p>26 Mac 2017</p> <p>10.00Pagi- 2.30Tengahari</p>	<p>26 Mac 2017 bersamaan hari Ahad bertempat di UiTM Machang, Kelantan. Kami bertolak ke Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) di Balai Islam, Lundang. Tujuan kami ke sana adalah untuk mencari pencerita untuk cerita tentang Tok Kenali. Di sana, kami telah berjumpa dengan Pegawai Unit Adat, yang bertanggungjawab untuk memelihara sejarah-sejarah yang berkaitan islam di Kelantan. Tok Kenali merupakan salah seorang Tokoh MAIK dan kerana itu kami pergi mencari maklumat di sana. Pegawai Unit Adat tersebut juga tidak mempunyai maklumat tentang waris Tok Kenali, tetapi beliau mencadangkan kepada kami supaya menghubungi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana baru-baru ini DBP ada menganjurkan program yang berkaitan Tok Kenali dan menjemput warisnya untuk hadir ke DBP. Jadi tanpa membuang masa, kami</p>

	<p>menghubungi Pejabat DBP dan kami disambungkan terus kepada pegawai yang menganjurkan program tersebut iaitu Encik Ikram. Kami memberitahu tujuan kami untuk mendapatkan nombor telefon waris Tok Kenali dan En. Ikram telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada kami. Akhirnya kami telah menerima nombor telefon cucu Tok Kenali, iaitu Haji Lokman Bin Ahmad dan beliau merupakan bapa kepada selebriti terkenal iaitu Bob Lokman.</p>
--	--

TARIKH	PERKARA
<p>2 April 2017 4.45Petang- 6.00Petang</p>	<p>2 April 2017 bersamaan hari Ahad bertempat di Jalan Manan, Pasir Puteh Kelantan. Kumpulan kami pergi menemui cucu Tok Kenali buat kali pertamanya iaitu Haji Lokman. Beliau masih tinggal di Pondok Tok Kenali Kubang Kerian tetapi ketika kami ingin berjumpa dengan beliau, kebetulan pula beliau ada di Pasir Puteh sedang menguruskan urusan rumah sewa beliau. Kami pergi bertemu buat kali pertama untuk berkenalan dengan cucu Tok Kenali. Kami telah mendapat layanan baik oleh Haji Lokman dan beliau sangat rendah diri orangnya. Kami bertanya serba sedikit tentang Tok Kenali, dan beliau juga ada membawa salinan-salinan lama terbitan akhbar tentang Tok Kenali dan menunjukkan kepada kami. Beliau bersetuju untuk menjadi pencerita kami dan beliau menyatakan kepada kami bahawa kami hanya perlu menghubungi beliau apabila kami bersedia. Kami merancang untuk pergi menemubual Haji Lokman pada 9 April 2017 selepas Puan Kamariah dan Puan Noor meluluskan soalan kami untuk temubual.</p>

TARIKH	PERKARA
<p>23 April 2017 4.00Petang- 6.00Petang</p>	<p>23 April 2017 bersamaan hari Ahad bertempat di Jalan Manan, Pasir Puteh Kelantan. Kumpulan kami telah pergi menemuramah cucu Tok Kenali iaitu Haji Lokman Bin Ahmad. Kami mengadakan temuramah di Pondok yang pernah dibina oleh Tok Kenali semasa hayat beliau dahulu. Hasil rakaman ialah selama 1 jam dan kami akan menyiapkan transkrip sebelum minggu 13. Kami telah membahagikan 30 minit seorang untuk menulis transkrip tersebut.</p>

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA

1. Apakah nama penuh Ayah Man?
2. Apakah nama samaran Ayah Man?
3. Berapakah umur Ayah Man sekarang?
4. Dimanakah tempat Ayah Man lahir?
5. Ayah Man anak ke berapa?
6. Bolehkah Ayah Man menceritakan sedikit tentang salasilah Ayah Man?
7. Bolehkan Ayah Man beritahu nama ibu Ayah Man dan umurnya?
8. Berapa orangkah anak Ayah Man?
9. Apakah nama isteri dan anak-anak Ayah Man?
10. Di manakah anak-anak Ayah Man tinggal?
11. Adakah anak-anak Ayah Man sudah berkahwin semuanya?
12. Berapa orang cucu Ayah Man?
13. Ayah Man tinggal dengan siapa sekarang?
14. Bolehkah Ayah Man ceritakan latarbelakang pendidikan Ayah Man?
15. Di manakah Ayah Man mendapatkan ilmu tentang agama?
16. Apakah pekerjaan Ayah Man selepas tamat Pengajian?
17. Pekerjaan apakah yang Ayah Man lakukan sekarang?
18. Adakah Ayah Man masih mengajar ilmu agama sekarang?
19. Sempatkah Ayah Man mendapatkan ilmu Makrifat dengan bapa atau Tok Kenali sendiri?
20. Apakah jawatan Ayah Man dalam Dewan Tok Kenali?
21. Adakah Dewan Tok Kenali masih aktif hingga sekarang?
22. Adakah Ayah Man mengajar di Masjid Pondok Tok Kenali?
23. Siapakah yang menguruskan Pondok Tok Kenali sekarang?
24. Berapa buah sekolah yang dibangunkan oleh Cucu dan Cicit Tok Kenali?
25. Pada zaman Ayah Man dulu, bagaimana dengan pembangunan di kawasan Pondok Tok Kenali?

26. Adakah semasa zaman Ayah Man dahulu masih ramai orang yang tinggal di Pondok Tok Kenali?
27. Selepas Tok Kenali meninggal dunia, siapakah yang mengambil alih tugas mengajar, menjaga di Pondok Tok Kenali?

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK KENALI

28. Apakah nama penuh Tok Kenali?
29. Tahun berapakah Tok Kenali lahir?
30. Berapa orang anak Tok Kenali?
31. Berapa orang semua cucu Tok Kenali?
32. Bapa Tok Kenali meninggal dunia ketika Tok Kenali berumur berapa?
33. Adakah antara cucu Tok Kenali ada yang sempat belajar dengan Tok Kenali?
34. Apakah nama isteri Tok Kenali?
35. Mengapakah orang menggelarnya Tok Kenali?
36. Adakah Tok Kenali memang minat tentang ilmu agama sejak dia kecil?
37. Semasa Tok Kenali masih kecil, di manakah beliau mempelajari ilmu agama?
38. Adakah Tok Kenali belajar ilmu agama dengan Datuknya?
39. Apakah nama Datuknya?
40. Datuknya mengajar beliau agama dalam bidang apa?
41. Bagaimanakah sifat keperibadian Tok Kenali sejak dia kecil?
42. Benarkah dia sudah bekerja semasa kecil?
43. Pada umur berapakah Tok Kenali berkahwin?
44. Tok Kenali mahir ilmu agama dalam bidang apa?
45. Di manakah Tok Kenali menyambung pengajiannya?
46. Ketika itu Tok Kenali pergi menaiki apa?
47. Benarkah Tok Kenali pergi ke Mekah dengan membawa wang yang cuma 22 Ringgit?
48. Di Mekah Tok Kenali tinggal di mana?
49. Berapa lama Tok Kenali tinggal di Kota Mekah?
50. Ramaikah guru Tok Kenali di Mekah?
51. Siapakah antara guru Tok Kenali yang tersohor?

52. Selain di Mekah, di manakah tempat Tok Kenali menuntut ilmu agama?
53. Bolehkah Ayah Man ceritakan tentang cerita Tok Kenali belajar di Kota Mekah?
54. Pada umur berapakah Tok Kenali pulang ke tanah air?
55. Adakah pada masa itu sudah ada pondok-pondok?
56. Adakah selepas pulang ke tanah air Tok Kenali mengajar masyarakat?
57. Kitab apakah yang disyarah oleh Tok Kenali?
58. Ramaikah anak murid Tok Kenali?
59. Kebanyakan anak muridnya daripada mana?
60. Ramaikah anak muridnya yang berjaya menjadi guru atau ustaz?
61. Dimanakah lagi tempat Tok Kenali pergi mengajar?
62. Adakah pekerjaan Tok Kenali ketika itu mengajar sahaja, atau ada kerja lain?
63. Apakah jawatan beliau dalam kerajaan?
64. Apakah cerita pelik atau tentang karamah Tok Kenali yang menjadi bualan masyarakat?
65. Pada umur berapakah Tok Kenali meninggal dunia?

BAHAGIAN 3: PERJUANGAN TOK KENALI

66. Adakah beliau diantara tokoh yang juga memperjuangkan hak orang islam?
67. Apakah jawatan beliau di dalam penerbitan majalah pengasuh?
68. Adakah beliau pernah terlibat di dalam Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu?
69. Adakah dengan ajaran agamanya melahirkan tokoh agama yang lain?
70. Jika beliau pernah mendidik anak muridnya, berapakah tokoh agama yang lahir dari didikannya.
71. Adakah tokoh-tokoh di bawah didikan Tok Kenali membuka juga pondok Agama?
72. Berapa buah pondok yang dibuat oleh tokoh-tokoh islam dibawah didikan Tok Kenali?
73. Adakah Tok Kenali aktif dalam bidang penulisan?
74. Jika ada berapakah hasil tulisan agamanya?
75. Adakah hasil tulisannya di simpan di tempat yang khas?
76. Adakah hasil tulisannya juga dijadikan sumber rujukan?

77. Adakah Tok Kenali terlibat di dalam pemerintahan Negeri?
78. Adakah beliau juga terlibat didalam pengubalan kanun tanah negeri?
79. Dikatakan menteri besar ketika itu juga meminta pandangan Tok Kenali, apakah pandangan tersebut?
80. Dari sekolah agama yang terbina di Kelantan, adakah Tok Kenali juga pencetus pembinaan sekolah sekolah agama di Kelantan?
81. Sultan Kelantan juga dikatakan ketika itu menghormati Tok Kenali adakah itu salah satu dari sebab baginda memintanya untuk menterjemahkan kitab-kitab islam ketika itu?
82. Apakah kitab yang Tok Kenali terjemahkan ketika itu?
83. Adakah Tok Kenali pernah mengajar di masjid?
84. Masjid manakah beliau mengajar?
85. Masjid Muhammadi di antara masjid yang beliau mengajar, adakah beliau kerap mengajar di sana?
86. Adakah Masjid Muhammadi di diami oleh ramai pelajar dibawah didikan Tok Kenali?
87. Adakah ditempat itu dikenali oleh masyarakat disebabkan oleh ajaran Tok Kenali?

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN TOK KENALI

88. Kenapakah Tok Kenali Digelar Mujaddid Islam Nusantara
89. Mengapakah beliau juga digelar Sibawayh pada zamannya?
90. Adakah Tok Kenali merupakan pencetus pengajaran bahasa arab ketika itu?
91. Dikatakan terhasilnya banyak kitab-kitab pada ketika itu, apakah kitab-kitab yang tersohor yang ditulis oleh Tok Kenali?
92. Siapakah pewaris tunggal ilmu-ilmunya ketika ini?
93. Adakah Kitab-kitab tersebut di pelajari dan digunakan?
94. Dikatakan Tok Kenali minat pada syair arab, adakah beliau pernah mencipta syair-syair ketika berada di arab?
95. Jika ada berapakah jumlah syair yang beliau hasilkan?

96. Adakah perjuangan beliau bersifat pentingkan penguasaan tatabahasa arab pada setiap golongan muda ketika itu?
97. Dikatakan ilmu tasawuf juga penting ketika itu adakah Tok Kenali juga diantara penggerak ilmu itu di Kelantan pada ketika itu?
98. Apakah jawatan beliau ketika mengetengah ilmu tasawuf tersebut?
99. Banyak spekulasi mengatakan Tok Kenali juga cenderung terhadap ilmu ini adakah benar?
100. Adakah benar tulisan beliau di dalam majalah pengasuh dikatakn juga pembakar semangat orang orang Melayu pada ketika itu?
101. Adakah Tok Kenali penyebab tercetusnya banyak sekolah agama menggunakan caranya di dalam pengajian tatabahasa arab dan ilmu Nahu?
102. Wajarkah Tok Kenali di ingati dengan jasanya terhadap perjuangan islam
103. Adakah beliau juga pencetus cara-cara pengajaran tatabahasa Arab di seluruh Malaysia tersebar secara meluas?
104. Wajarkah usaha-usaha beliau seperti pondok-pondok, masjid dan sekolah terus digunakan?
105. Adakah perlu setiap usahanya dibukukan?
106. Wajarkah jasa-jasa beliau diingati oleh masyarakat kini?
107. Adakah waris-warisnya meneruskan pengajiannya di masakini?
108. Dengan semangat dan cara yang dibawa oleh Tok Kenali, perlukah diteruskan oleh generasi yang akan datang?

BAHAGIAN 5: PENDAPAT PENCERITA

109. Pada pendapat Ayah Man, bagaimanakah cara supaya kita dapat menjadikan diri kita sendiri sebagai seorang yang bertakwa kepada Allah s.w.t?!
110. Bagaimana kita dapat menjadi seorang yang tawadhu' seperti Tok Kenali?
111. Pada pendapat Ayah Man, adakah wajib bagi setiap mukallaf mempelajari ilmu Tauhid?
112. Bagaimana cara untuk kita menyedarkan masyarakat bahawa ilmu tauhid itu wajib dipelajari oleh semua yang bergelar islam?

113. Ada orang muda mengatakan bahawasanya orang yang tidak fasih berbahasa arab tetapi mahir dalam ilmu agama tidak layak bercakap tentang agama. Adakah Ayah Man setuju?

BAHAGIAN 6: HARAPAN PENCERITA

114. Apakah harapan Ayah Man kepada anak muda masa kini?
115. Apakah harapan Ayah Man kepada Dewan Tok Kenali?
116. Apakah pesanan yang Ayah Man ingin sampaikan kepada semua umat Islam?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Tuan Guru Haji Lokman Bin Ahmad pada 16 April 2017

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada senua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
(Hj. LOKMAN)
Pengkisah (interviewee)

.....
r Madya Dr. Haji Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan



Rajah 1: Pengenalan kepada Pondok Tok Kenali



Rajah 2: Muzium Mini Tok Kenali



Rajah 3: Masjid Tok Kenali



Rajah 4: Gambar pengkaji di Kampung Kenali, Kubang Kerian



Rajah 5: Gambar pengkaji bersama Ustaz Haji Lokman Bin Ahmad